



DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS

PENGGAL KETIGA

MESYUARAT KETIGA

SHAH ALAM, 30 OKTOBER 2015 (JUMAAT)

Mesyuarat dimulakan pada jam 3.00 petang

YANG HADIR

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)
(Tuan Speaker)

Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin Bin Ali, S.M.S. (Bukit Antarabangsa)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

Y.B. Dato' Teng Chang Khim D.P.M.S.
(Sungai Pinang)

Y.B. Dato' Iskandar Bin Abdul Samad, D.P.M.S. (Chempaka)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/l Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (Bangi)
(Timbalan Speaker)

Y.B. Datuk Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail, D.P.P.N. (Kajang)

Y.B. Puan Hajah Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Puan Dr. Halimah Binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani Bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/I Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Sallehen Bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah Bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim Binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin Bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly Bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Teluk Datuk)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin Bin Lias
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin Bin Setro
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Datuk Abdul Shukur Bin Haji Idrus
PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Datuk Haji Johan Bin Abd Aziz
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Datuk Sulaiman Bin Abdul Razak
P.M.W., S.M.S., K.M.N., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.B. Tuan Jakiran Bin Jacomah
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B. Puan Halimaton Saadiah Binti Bohan
A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Kamarol Zaki Bin Haji Abdul Malik P.J.K.
(Sungai Air Tawar)

Y.B. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrum Bin Mohd Sharif (Dengkil)

Y.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)

**TIDAK HADIR
(Dengan maaf)**

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

**Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin Bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

**Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman DIMP., ASA
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

**Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman, DPMS., SIS.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

PEGAWAI BERTUGAS

Puan Elya Marini Binti Darmin, AMS
Setiausaha Bahagian Dewan

Encik Jurasmadi bin Pauzi
Penolong Setiausaha Dewan

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif
Penolong Setiausaha Pentadbiran

Puan Siti Salina Binti Muftar
Setiausaha Pejabat

Bentara
Encik Abdul Khalil bin Sabiis (Ketua)
Encik Ahmad Hafizan bin Yusof

Pelapor Perbahasan
Puan Hajah Noridah Binti Abdullah
Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

SETIAUSAHA DEWAN: *Bismillahir rahmanni rrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat bagi Mesyuarat Ketiga Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor Ketiga Belas pada 30 Oktober 2015 dimulakan dengan bacaan doa.

I. DOA

II. PROKLAMASI

SETIAUSAHA DEWAN: Proklamasi OLEH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ, D.K., D.M.N., D.K. (Terengganu), D.K. (Kelantan), D.K. (Perak), D.K. (Perlis), D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Kedah), D.K. (Johor), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J., dengan kurnia Allah, Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Selangor Darul Ehsan serta segala daerah takluknya.

BAHAWASANYA Fasal (1) Perkara LXX Bahagian Kedua, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959, memperuntukkan bahawa DULI YANG MAHA MULIA SULTAN hendaklah dari semasa ke semasa melalui Proklamasi yang disiarkan dalam *Warta memanggil Dewan Negeri* :

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, BETA, SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ, D.K., D.M.N., D.K. (Terengganu), D.K. (Kelantan), D.K. (Perak), D.K. (Perlis), D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Kedah), D.K. (Johor), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J., dengan kurnia Allah, Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Selangor Darul Ehsan serta segala daerah takluknya, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada BETA di bawah Perkara LXX Bahagian Kedua, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959, dengan ini memanggil Dewan Negeri untuk bermesyuarat dan menetapkan 30 Oktober 2015 jam 3.00 petang, 2 November hingga 6 November 2015 dan 11 November hingga 13 November 2015 dan pukul 10.00 pagi kecuali hari Jumaat pukul 9.30 pagi, sebagai tarikh dan waktu bagi Mesyuarat Ketiga Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Yang Ketiga Belas yang akan diadakan di Dewan Negeri Selangor, Shah Alam.

DIPERBUAT di Istana Alam Shah, Klang pada 08 hari bulan September 2015.

TUAN SPEAKER: Salam Sejahtera dan Selamat Datang saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Negeri, pegawai-pejawai kerajaan dan pemerhati-pemerhati sekalian. Bertemu lagi dalam Mesyuarat Ketiga Dewan Yang Mulia ini bagi Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor yang Ketiga Belas. Ahli-Ahli Yang Berhormat menurut Peraturan 13(i) Peraturan-

Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, bacaan Rang Undang-Undang Perbekalan 2016 akan dibacakan selepas sesi pertanyaan-pertanyaan. Namun begitu pada hari ini Rang Undang-Undang Perbekalan 2016 akan dibacakan terlebih dahulu selepas Proklamasi. Perkara ini telah dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kepada saya. Dipersilakan Setiausaha Dewan untuk Aturan Urusan Mesyuarat Seterusnya.

III. MEMBENTANGKAN KERTAS MESYUARAT

SETIAUSAHA DEWAN: Membentangkan kertas-kertas mesyuarat.

1) Kertas Bilangan 64 Tahun 2015

- Rang Undang-Undang Perbekalan 2016. Rang Undang-Undang Peruntukan Diraja (pindaan) 2015.

Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya Rang Undang-Undang Perbekalan 2016 (Semua Peringkat). Rang Undang-Undang ini bernama suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri untuk perkhidmatan bagi tahun 2016 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

IV. UCAPAN BAJET

(Teks Ucapan Belanjawan 2016 Oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor)

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker, oleh sebab Rang Undang-Undang ini perlu dan mustahak diluluskan pada hari ini juga, saya mencadangkan di bawah Peraturan Tetap 78 supaya ditangguhkan Peraturan Tetap 48 dan 53, bagi membolehkan Rang Undang-Undang ini dibacakan pada semua peringkat dan seterusnya diluluskan.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan ini sila kata YA. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Tujuan Rang Undang-Undang ini ialah untuk pengeluaran sejumlah wang tidak melebihi Ringgit Malaysia Dua Billion, Tujuh Ratus Empat Puluh Tujuh Juta, Tiga Ratus Sembilan Puluh Sembilan Ribu, Empat Ratus Lapan Puluh Tiga (RM2,747,399,483.00) daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri Untuk

Perkhidmatan bagi tahun 2016 adalah dibenarkan, dan jumlah wang itu diperuntukkan bagi maksud yang dinyatakan dalam jadual.

Tuan Speaker, Alhamdulillah, saya panjatkan rasa syukur ke hadrat Ilahi yang telah memberikan saya peluang dan kekuatan bersama pasukan negeri untuk melaksanakan Belanjawan 2015 dan hari ini, menyambung peluang tersebut untuk membentang dan melaksanakan Belanjawan 2016. Kita bersidang dalam suasana negara berjerebu, jerebu cuaca, jerebu politik dan jerebu ekonomi. Meskipun negara berjerebu Selangor kekal cerah.

Tatkala membentangkan Belanjawan 2015 pada 24 November tahun lalu, saya telah mencadangkan belanjawan defisit bertujuan untuk menjana aktiviti ekonomi dan pembangunan demi kesejahteraan rakyat. Belanja pembangunan ditingkatkan sebanyak 10.1 peratus kepada 46.8 peratus untuk mencapai gagasan ‘Pembangunan Berkualiti, Rakyat Dipeduli’. Kerajaan Negeri mengambil langkah berani dan bertanggungjawab membentangkan belanjawan defisit. Meskipun dikritik segelintir yang mendabik dada sebagai jagoan ekonomi, namun, sekali lagi saya menegaskan keperluan belanjawan defisit sebagai langkah *counter cyclical* untuk melawan kelembapan ekonomi yang dijangka bermula tahun 2015. Kerajaan Negeri mengamalkan disiplin fiskal dan pengurusan kewangan berhemah untuk berbelanja mengikut peruntukan yang disediakan dan mengelak mengulangi kebiasaan dan ketidakjujuran sebelum ini di mana dibentangkan belanjawan berimbang, tetapi kemudiannya diikuti dengan belanjawan tambahan untuk menampung ketidakcukupan peruntukan. Akhirnya, hakikat yang berlaku adalah belanjawan defisit. Alhamdulillah, dengan sukacitanya saya ingin memaklumkan kepada Dewan ini, belanjawan defisit 2015 yang berjumlah RM 452.5 juta telah bertukar menjadi belanjawan *surplus*. Ini adalah kerana hasil negeri yang dianggarkan pada tahun 2015 berjumlah RM 1.97 bilion telah melonjak kepada RM 2.05 bilion berbanding perbelanjaan sebenar RM 1.50 bilion sehingga 30 September 2015. Kedudukan belanjawan kini adalah surplus sebanyak RM 552.58 juta. Sehingga akhir tahun ini, hasil negeri dijangka meningkat kepada dua bilion dua ratus empat puluh empat juta ringgit (RM 2,244,000,000) dan akan mencatatkan lebihan hasil sebanyak RM274 juta. Dewan ini juga telah meluluskan corak perbelanjaan 2015 dengan mengurangkan belanja mengurus kepada 53 peratus dan meningkatkan belanja pembangunan kepada 47 peratus. Ini merupakan iltizam pengurusan kewangan berhemah yang tidak dapat dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan. Tekad Kerajaan Negeri untuk tidak membentangkan belanjawan tambahan bagi tahun 2015 juga berjaya dicapai. Ini membuktikan Belanjawan 2015 yang dibentangkan adalah realistik berdasarkan anggaran bertanggungjawab dan berdisiplin. Pentadbiran Shah Alam hari ini mempertahankan disiplin fiskal dan mengamalkan pengurusan kewangan berhemah dengan memelihara tiga cabang utama prinsip kebertanggungjawaban dan berdisiplin. Pertama, *Ex ante accountability*, kedua *concurrent accountability* dan yang ketiga *ex post accountability*. *Ex-ante accountability* menuntut Kerajaan Negeri memadankan keutamaan dasar dengan

keperluan peruntukan belanjawan. Keterbatasan sumber memerlukan kita menetapkan urutan keutamaan yang bertanggungjawab. Oleh itu, belanjawan mesti dirancang dengan rapi mengikut keutamaan dasar dan unjuran bertanggungjawab. Kekerapan membuat belanjawan tambahan merupakan kegagalan *ex-ante accountability*.

Concurrent accountability pula menuntut pemantauan ke atas proses pelaksanaan belanjawan. Untuk mencapai matlamat ini, setiap Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bertanggungjawab melaporkan kemajuan pelaksanaan portfolio masing-masing secara berkala kepada Ketua Eksekutif Kerajaan Negeri memandangkan Ketua Eksekutif bertanggungjawab untuk menjamin keberkesanan dasar dan program yang telah dipersestujui dalam belanjawan. Cabang prinsip kebertanggungjawaban yang terpenting adalah *ex post accountability* di mana Dewan Negeri mempunyai keabsahan untuk memastikan eksekutif melaksanakan belanjawan dengan berhemah dan pencapaian yang produktif. Saya telah menggariskan tiga cabang utama prinsip kebertanggungjawaban dalam pelaksanaan belanjawan. Prinsip ketelusan dan kebertanggungjawaban amat penting dalam pentadbiran sesebuah negeri. Seperti kata hikmah dengan izin Tuan Speaker “*we must draw back the curtains and let the sunshine in because sunshine is the best disinfectant*”. Bagi mencapai pengurusan kewangan awam dan kebertanggungjawaban yang dinamik, peranan eksekutif dan legislatif perlu diseimbangkan. Pemantauan legislatif amat penting sebagai *check and balance* tetapi ‘*legislative budget activism*’ yang keterlaluan akan melumpuhkan proses membuat keputusan. ‘*Executive flexibility*’ yang efektif diperlukan terutama sekali pada peringkat awal pembentukan kitaran belanjawan. Autoriti eksekutif yang kuat dapat menjamin pengurusan ekonomi dan memastikan disiplin fiskal.

Sementara *concurrent accountability* meletakkan bidang tugas pengurusan perbelanjaan awam dipikul oleh eksekutif, prinsip tatakelola ekonomi yang berhemah memastikan peranan pemantauan belanjawan merupakan tanggungjawab Dewan Negeri. Ini menjadikan peranan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri (PAC) lebih efektif di dalam *fasa ex-post accountability*.

Cabarannya penyampaian perkhidmatan yang efektif sentiasa menjadi hambatan kepada kerajaan. Untuk menilai pencapaian dan dampak langsung kepada rakyat, Kerajaan Negeri akan mengkaji kaedah untuk mewujudkan Unit Khas Penyampaian Perkhidmatan.

SENARIO EKONOMI

Tuan Speaker, sebagai ekonomi sederhana dan terbuka, Malaysia terdedah kepada perubahan dan ketidaktentuan ekonomi global. Justeru itu, 2015 merupakan tahun yang mencabar bagi ekonomi Malaysia. Senario ekonomi dunia dibentuk oleh pertembungan tiga faktor. Pertama, transformasi ekonomi China yang beralih dari

pertumbuhan yang didorong oleh eksport dan pelaburan serta pembuatan kepada ekonomi berteraskan penggunaan dan perkhidmatan. Kedua, kejatuhan harga komoditi dan ketiga, kenaikan kadar faedah di Amerika Syarikat yang mempunyai implikasi global.

Penyusutan nilai ringgit berbanding dolar Amerika yang ketara dan ditambah dengan kemerosotan dua komoditi utama negara, iaitu harga minyak mentah dan kelapa sawit, menyesakkan lagi ekonomi Malaysia. Kegawatan pasaran saham dan penurunan nilai Yuan baru-baru ini memberi kesan yang besar kepada negara lain di dunia. Scenario ekonomi sebegini menunjukkan ekonomi China amat signifikan kepada prestasi ekonomi dunia. Seperti yang dilaporkan Patterson Institute, “Bila China bersin, seluruh dunia akan demam – *When China sneezes, the world catches cold*”. Justeru, kerana China adalah destinasi eksport pertama Malaysia dan juga sumber import utama, sebarang perkembangan ekonomi dan kewangan di China mempunyai kesan besar kepada Malaysia.

Pertumbuhan sektor swasta di Malaysia turut perlahaan ekoran kesan daripada sektor petroleum dan gas. Ketidaktentuan persekitaran ekonomi global telah meletakkan ekonomi kita dalam keadaan yang berisiko tinggi. Kadar inflasi turut mencatatkan peningkatan kepada 2.2 peratus pada Suku Kedua 2015. Sehingga September 2015, Ringgit Malaysia telah melepassi RM4.37 berbanding dolar Amerika buat pertama kalinya sejak krisis kewangan Asia 17 tahun lalu.

Walaupun kita tidak boleh mengenepikan faktor luaran termasuk kejatuhan harga komoditi, kita juga tidak boleh menafikan bahawa penyusutan nilai ringgit berpunca daripada faktor dalaman. Hakikatnya, negara hari ini sedang bergelut dengan krisis politik dan kegawatan ekonomi yang berpunca daripada skandal kewangan 1MDB dengan skala yang tidak pernah dialami oleh negara sebelum ini.

Prestasi nilai ringgit berada dalam keadaan paling parah di Asia. Malapetaka kewangan negara turut melibatkan pelbagai skandal termasuk agenda menyemai prasangka perkauman sempit dan faham agama yang ekstrem yang secara keseluruhannya menghakis keyakinan pelabur dengan parah terhadap pentadbiran Putrajaya dan kewibawaan pengurusan ekonomi negara.

Dunia hari ini sedang menyaksikan pencabulan terhadap proses demokrasi berparlimen dan pengabaian tanggungjawab sehingga Majlis Raja-Raja Melayu mengeluarkan kenyataan yang tegas berhubung keperluan sebuah kerajaan yang demokratik berdasarkan prinsip ketelusan, akauntabiliti dan urus tadbir yang baik.

Amat malang sekali, pentadbiran Putrajaya masih angkuh dan tidak bersedia untuk menerima teguran serta terus berkuasa dengan sikap *denial syndrome*. Putrajaya telah menyalahgunakan undang-undang rimba seperti SOSMA untuk menutup

suara-suara *clamour for change* termasuk pegawai-pegawai kerajaan yang turut diugut dan ditekan.

Ketegasan Bank Negara dalam mengemukakan syor-syor bagi memulihkan keyakinan seharusnya mendapat dukungan semua pihak. Namun, ianya telah dijadikan modal politik untuk menekan Gabenor Bank Negara dan agensi-agensi penguatkuasaan.

Justeru itu, untuk memulihkan keyakinan pelabur, mengembalikan kemampuan ekonomi dan memperkuuh nilai ringgit serta menjamin urus tadbir Kerajaan yang baik, kita memerlukan satu reformasi institusi yang menyeluruh. Pada tahun ini, pertumbuhan ekonomi Negeri Selangor dijangka tumbuh di antara 4.5 hingga 5.5 peratus dan pada tahun 2016 diunjurkan tumbuh di antara 5.0 hingga 5.5 peratus. Pertumbuhan ini akan dipimpin oleh sektor perkhidmatan yang diunjurkan tumbuh 5.4 peratus dan dianggarkan menyumbang hampir 58 peratus kepada KDNK negeri pada tahun 2016. Sektor perindustrian dianggarkan menyumbang sebanyak 30 peratus kepada KDNK negeri dalam tahun 2016.

Tuan Speaker, jumlah wang awam Kerajaan Negeri Selangor yang terdiri dari wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan pada 31 Disember 2014 adalah berjumlah tiga bilion dua ratus juta sembilan ratus sebelas ribu sembilan ratus sebelas ringgit (RM3,200,911,911) berbanding dua bilion sembilan ratus tujuh juta satu ratus tiga ribu tujuh ratus empat puluh empat ringgit (RM2,907,103,744) pada 31 Disember 2013. Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2014 telah mencatatkan peningkatan sebanyak 10.1 peratus berbanding tahun 2013.

Kedudukan semasa kewangan Kerajaan Negeri pada 30 September 2015 menunjukkan prestasi yang baik dengan lebihan terkumpul Akaun Hasil Disatukan sebanyak RM1.87 bilion. Lebihan semasa Kerajaan Negeri sehingga 30 September 2015 berjumlah RM552.58 juta.

Jumlah wang awam yang terdiri dari wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan pada 30 September 2015 berjumlah RM 3.6 bilion berbanding RM3.2 bilion pada 31 Disember 2014.

BELANJAWAN 2016

Anggaran Hasil

Tuan Speaker, kutipan hasil sebenar bagi tahun 2014 adalah RM2.23 bilion. Hasil Cukai mencatatkan kutipan sebanyak RM545.7 juta, Hasil Bukan Cukai sebanyak RM1.44 bilion dan Terimaan Bukan Hasil sebanyak RM242 juta.

Sehingga 30 September 2015, Kerajaan Negeri mencatatkan kutipan hasil sebanyak RM2.048 bilion atau pencapaian sebanyak 103.98 peratus berbanding dengan anggaran hasil tahun 2015 sebanyak RM1.97 bilion. Hasil Cukai mencatatkan kutipan sebanyak RM 556.9 juta, Hasil Bukan Cukai sebanyak RM1.31 bilion dan Terimaan Bukan Hasil sebanyak RM180.4 juta.

Kutipan hasil bagi tahun 2016 dianggarkan meningkat sebanyak 14.2 peratus kepada dua bilion dua ratus lima puluh juta ringgit (RM2,250,000.000). Penyumbang utama kepada hasil Kerajaan Negeri adalah daripada premium tanah (48.1 peratus), hasil cukai tanah (20.9 peratus) dan urus niaga berkaitan tanah (9.1 peratus). Kutipan hasil tersebut menyumbang sebanyak 78.1 peratus daripada kutipan keseluruhan anggaran hasil negeri tahun 2016. Selain itu, hasil negeri turut disumbangkan oleh keuntungan daripada pelaburan simpanan tetap (3.5 peratus), cukai hiburan (2.5 peratus) dan cukai hasil hutan iaitu daripada pengeluaran kuari (1.8 peratus).

Anggaran Perbelanjaan

Berdasarkan kedudukan kewangan Negeri Selangor yang terus kukuh dan meyakinkan, maka Kerajaan Negeri mencadangkan agar anggaran perbelanjaan tahun 2016 berjumlah dua bilion lapan ratus lapan puluh juta ringgit (RM2,880,000,000) bagi melaksanakan semua perancangan dan agenda kerajaan negeri. Daripada jumlah tersebut, satu bilion empat ratus empat puluh juta ringgit (RM1,440,000,000) atau 50 peratus adalah bagi peruntukan perbelanjaan mengurus dan satu bilion empat ratus empat puluh juta ringgit (RM1,440,000,000) atau 50 peratus bagi perbelanjaan pembangunan. Berdasarkan anggaran hasil sejumlah dua bilion dua ratus lima puluh juta ringgit (RM2,250,000,000) dan perbelanjaan yang dianggarkan berjumlah dua bilion lapan ratus lapan puluh juta ringgit (RM2,880,000,000), maka, Belanjawan 2016 dijangka mengalami defisit sejumlah RM630 juta.

Peruntukan Mengurus

Tuan Speaker, di bawah peruntukan mengurus, RM396.3 juta adalah bagi perbelanjaan Emolumen, RM503.9 juta disediakan bagi Perkhidmatan dan Bekalan manakala, RM25.7 juta diperuntukkan kepada pembelian Aset. Sejumlah RM 441.7 juta disediakan untuk Perbelanjaan Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap dan RM 72.4 juta untuk Perbelanjaan lain.

Antara punca-punca pertambahan pada anggaran peruntukan mengurus kerajaan negeri tahun 2016 berbanding tahun 2015 adalah seperti berikut :

- a) Di bawah Emolumen, peningkatan peruntukan adalah berikutan kenaikan 3 peratus gaji tahunan 10,673 kakitangan awam di Negeri Selangor yang melibatkan pertambahan kos sebanyak RM8.8 juta;
- b) Bagi Perkhidmatan dan Bekalan, sejumlah RM20.12 juta disediakan bagi membiayai keperluan perkhidmatan di Jabatan Agama Islam Selangor terutama dalam meningkatkan kualiti pendidikan. Di samping itu, dalam usaha untuk mengurangkan risiko banjir, tambahan peruntukan sebanyak RM12 juta disediakan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran untuk operasi penyelenggaraan benteng pantai dan sungai/*logboom*/kolam takungan;
- c) Untuk pembelian Aset, sejumlah RM1.6 juta diperuntukkan bagi perolehan 9 buah kaunter bergerak yang akan dibekalkan kepada Pejabat Daerah dan Tanah. Penyediaan kaunter bergerak ini adalah bagi memberi keselesaan kepada rakyat untuk membuat pilihan kaedah bayaran yang bersesuaian dengan masa dan lokasi mereka, terutama bagi penduduk yang berada di luar bandar yang mengalami kesukaran untuk datang ke pejabat atau tidak mempunyai capaian Internet bagi membuat bayaran secara atas talian.
- d) Kenaikan bagi Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap pula disebabkan oleh kenaikan kadar bantuan am Jabatan Kebajikan Masyarakat dengan jumlah kos sebanyak RM14.7 juta, di mana ianya akan memberi manfaat kepada 1.8 juta orang penduduk Selangor yang berada di bawah garis kemiskinan. Di samping itu, sebanyak RM5 juta akan disumbangkan oleh Kerajaan Negeri kepada Persatuan Bola sepak Selangor (FAS) dalam usaha memajukan sukan bola sepak. Kenaikan bagi Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap juga adalah berikutan kenaikan jumlah bantuan program Pemberian Air Percuma 20 meter padu sebanyak RM 5 juta menjadikan jumlah keseluruhan program Air Percuma sebanyak RM 170 juta. Secara puratanya setiap bulan, sebanyak 1.1 juta akaun meter individu dan 65,000 unit pangsapuri kos rendah akan mendapat manfaat daripada program ini. Di samping itu, kenaikan juga disebabkan oleh bantuan kepada Yayasan Perpustakaan Raja Tun Uda bagi tujuan operasi sebanyak RM1.0 juta.

Peruntukan Pembangunan

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri mencadangkan untuk maksud pembangunan, peruntukan berjumlah satu bilion empat ratus empat puluh juta ringgit (RM1,440,000,000) mewakili 50 peratus daripada jumlah keseluruhan belanjawan bagi tahun 2016 dan tertinggi jika dibandingkan dengan mana-mana negeri di

Malaysia. Ini adalah peruntukan pembangunan terbesar yang pernah tercatat dalam Belanjawan Negeri Selangor.

Sejumlah RM1.07 billion atau 74 peratus diperuntukkan bagi pelaksanaan projek infrastruktur termasuk projek pembinaan baru seta menaik taraf jalan, penyelenggaraan parit dan saliran serta projek pembangunan bekalan air seperti pembangunan loji rawatan air baharu serta peruntukan bagi tujuan pengambilan balik tanah. Selain itu, peruntukan ini juga akan membiayai projek pembangunan berpaksikan rakyat (*people-centric*) seperti pembinaan Kompleks Letak Kereta Awam di Seksyen 5 Shah Alam dengan peruntukan RM15 juta dan pembangunan tempat letak kereta Perpustakaan Awam Raja Tun Uda dengan peruntukan RM20 juta.

Seterusnya, sejumlah RM208.07 juta atau 14 peratus diperuntukkan bagi pembangunan sosial dengan meneruskan program Merakyatkan Ekonomi Selangor. Peruntukan sebanyak RM170 juta juga disediakan untuk program pemberian air percuma bagi tahun 2016. Peruntukan ini juga bertujuan untuk meneruskan program Skim Mesra Usia Emas dengan berjumlah RM8 juta diperuntukkan bagi pelaksanaan program Hadiah Anak Masuk Universiti.

Program bantuan pendidikan kepada Sekolah Agama Rakyat (SAR), Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dengan peruntukan keseluruhan berjumlah RM16 juta akan diteruskan. Selain itu, program Hal Ehwal Selain Islam turut diberi perhatian dengan diperuntukkan RM6 juta.

Bagi pembangunan ekonomi, sejumlah RM150.9 juta atau 11 peratus diperuntukkan termasuk pelaksanaan projek pembangunan Rumah Selangorku dengan dana RM 100 juta bagi tempoh 5 tahun bermula 2016. Kerajaan Negeri akan melaksanakan projek pemulihan perumahan terbengkalai melalui Tabung Pemulihan Projek Terbengkalai atau TEPAT dengan peruntukan berjumlah RM 20 juta bagi menyelaras kerja-kerja pemulihan seterusnya memastikan nasib pembeli-pembeli ini dapat dipedulikan.

Peruntukan ini juga akan digunakan bagi pembangunan usahawan serta pembangunan luar bandar termasuk pembangunan pertanian, perhutanan dan veterinar.

Bagi pembangunan perbandaran, sejumlah RM10 juta akan diperuntukkan bagi tujuan peningkatan perkhidmatan perbandaran khususnya dalam membantu Pihak Berkuasa Tempatan melaksanakan agenda pembangunan negeri.

STRATEGI BELANJAWAN 2016

Tuan Speaker, Negeri Selangor sudah bertaraf negeri maju. Maka, kita perlu membuat lonjakan menuju ke arah *Smart State* yang merupakan *characteristic*

sebuah negeri maju, sebuah negeri di mana persekitaran teknologi maklumat mempengaruhi gaya hidup masyarakat. Pada masa sama, program berpaksikan rakyat tidak akan dikesampingkan. Justeru itu, Belanjawan Negeri Selangor pada tahun ini bertemakan “ Membangun *Smart* Selangor Yang Peduli”. Untuk merealisasikan hasrat ini, Negeri Selangor harus melakukan anjakan paradigma untuk menggalakkan *knowledge economy* dengan *smart infrastructure*, membangun *smart people* dan mewujudkan *smart government*.

Belanjawan 2016 adalah perancangan awal menuju *Smart State* dalam tempoh 3 tahun yang akan memberi keutamaan untuk menjana pembangunan dinamik dan organik melalui lima strategi iaitu :

1. Menerajui Gagasan *Smart* Selangor
2. Menjana Sumber Pendapatan Secara Strategik
3. Mempertingkatkan Pembangunan Berkualiti dan Inisiatif Peduli
4. Memperkuuh Kualiti Pendidikan dan Latihan
5. Membangun Kapasiti Wanita, Generasi Y dan Ekonomi Kreatif.

STRATEGI PERTAMA: Strategi Pertama Menerajui Gagasan *Smart* Selangor

Tuan Speaker, Strategi Pertama Menerajui Gagasan *Smart* Selangor. Dalam usaha untuk membangunkan Selangor sebagai *Smart State* bertaraf dunia, kita memerlukan *Smart Cities* untuk mengurus cabaran ‘*urban growth*’ yang boleh mencorakkan gaya hidup termasuk kediaman, kesihatan dan pendidikan. Kita juga memerlukan infrastruktur pengangkutan dan keselamatan untuk merealisasikan konsep *Smart City*. Sebagai contoh, kita memerlukan langkah yang lebih efektif dalam pemantauan jenayah dan tindak balas kecemasan.

Kita wajar segera melakukan anjakan paradigma ke arah dunia teknologi maklumat dalam kerangka *Internet of Things*. Konsep *Internet of Things* menuntut kita melalukan sinkronisasi (*synchronize*) fungsi tradisi organisasi dengan pengukuhan perkakasan dan perisian teknologi maklumat. *Internet of Things* akan merubah peranan teknologi maklumat dan pengurusan.

Sebagai contoh, Smart City tidak boleh diurus secara konvensional melalui komputer, jaringan, alatan mudah alih dan pusat maklumat sahaja tetapi mesti dibangunkan melalui perkakasan dan aplikasi untuk pemprosesan (*processing*), penyaluran (*transmitting*) dan pengesan (*sensing*). *Smart State* akan hanya terapai matlamatnya apabila semua perkakasan boleh berinteraksi secara holistik dengan manusia untuk meningkatkan kualiti hidup sesebuah komuniti.

Untuk merealisasikan hasrat ini, Kerajaan Negeri akan membentuk Majlis Perundingan *Smart* Selangor bagi menyediakan *roadmap* atau *blueprint* Selangor sebagai *Smart State*. Inisiatif ini dimulakan dengan peruntukan sejumlah RM 10 juta

bagi tempoh 3 tahun. Pada masa sama, Kerajaan Negeri mencadangkan supaya Jabatan Perancang Bandar dan Desa dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk menyemak, mengemas kini dan memperkenalkan garis panduan berhubung *Internet of Things*, membina infrastruktur perkakasan dan pelaksanaan aplikasi bagi menggarap visi *Smart State*.

WiFi Smart Selangor

Alhamdulillahlah menjelang Disember 2015, pemasangan 2,500 *hotspot WiFi Smart* Selangor akan menyumbang ke arah merealisasikan gagasan tersebut. Usaha ini menelan kos sebanyak RM13 juta setahun. Projek *WiFi Smart* Selangor dijangka memberi kesan positif kepada rakyat termasuk golongan berpendapatan rendah dan sederhana; mengurangkan pemisahan digital bandar – luar bandar; meningkatkan *connectivity* di kalangan rakyat serta membina masyarakat bermaklumat; dan membolehkan peniaga IKS menjual produk mereka secara atas talian (*online shopping*)

Kerajaan ini telah berjaya melaksanakan hasrat penduduk nun di Kampung Teluk Rhu, Sabak Bernam dan Kampung Ladang Batu, Tanjung Sepat untuk menikmati *internet* berkelajuan tinggi. Sehingga hari ini seramai 200,000 pengguna aktif di kalangan Gen Y menggunakan khidmat *WiFi Smart* Selangor setiap bulan.

Kerajaan Digital Terbuka (*Digital Open Government*)

Tuan Speaker, *WiFi Smart* Selangor akan memangkin ke arah pengukuhan *Digital Open Government* yang merangkumi 3 fungsi; untuk memastikan penyampaian perkhidmatan adalah responsif, hubungan secara langsung di antara rakyat dan kerajaan dan untuk memastikan Kerajaan Negeri bersikap *service-oriented*. Ini adalah selaras dengan tuntutan masyarakat yang semakin *sophisticated*. Kita perlu memberdaya rakyat menerusi *crowdsourcing*, penggunaan media sosial dan teknologi *geospatial*. Prinsip ini adalah amalan terbaik global dan memenuhi prinsip keterbukaan dan ketelusan.

Digital Open Government akan dapat memastikan aduan awam seperti kutipan sampah, jalan berlopak, keselamatan awam dan sebagainya menerima perhatian dan tindakan segera oleh pihak berkuasa. Sebuah pusat pengurusan aduan (*central call management centre*) akan diwujudkan untuk menerima aduan rakyat.

Di samping itu, Kerajaan Negeri turut mencadangkan sejumlah RM 6.37 juta diperuntukkan bagi menaik taraf infrastruktur teknologi maklumat dan pelaksanaan program sains, teknologi dan inovasi.

Selangor Information Technology & E-Commerce Council (SITEC)

Tuan Speaker, selaras dengan gagasan Smart Selangor, Kerajaan Negeri telah menubuhkan *Selangor Information Technologi dan E-Commerce Centre* (SITEC) dengan kos sebanyak RM3.8 juta. Usaha ini akan mengangkat Selangor sebagai hub perdagangan serantau untuk e-dagang dan menyediakan persekitaran yang kondusif bagi syarikat *startup* berkembang maju.

SITEC turut memainkan peranan sebagai perunding program pendidikan dan latihan usahawan muda dan Industri Kecil dan Sederhana di dalam membangunkan e-dagang. Matlamat awal SITEC adalah membantu 100 syarikat SME dari Selangor untuk berkecimpung dalam e-dagang menerusi program *Selangor E-Commerce Class 100*; membantu mereka untuk menjual produk secara *online* (*Selangor Online 100*); dan menerusi aplikasi mudah alih (*Selangor Apps 100*).

SITEC juga mewujudkan *Selangor Digital Creative Centre* (SDC), sebuah inkubator yang menyediakan ruang *co-working* dan menawarkan sinergi dari segi inovasi teknologi dan budaya keusahawanan untuk membangunkan komuniti *startup* terutamanya di kalangan SME.

Ini adalah aspek utama kepada *maker movement* yang merupakan revolusi pembelajaran kreatif dan teknologi yang sedang bergerak di dunia hari ini. Gerakan ini menghasilkan versi reka cipta yang percuma atau mampu dimiliki. Perkongsian peralatan dan idea secara di atas talian akan membentuk komuniti yang mampu menyelesaikan masalah sejagat yang dinamik. Kejayaan dan percambahan *maker movement* bergantung pada *Internet of Things* di mana kita akan terjalin melalui apa yang disebut sebagai '*titanic digital matrix*'. Pada masa dahulu, penghasilan teknologi ini dikuasai sepenuhnya oleh gergasi korporat. Namun kini, rakyat biasa mampu bergiat dalam arena ini dan terus menyumbang secara positif kepada masyarakat.

STRATEGI KEDUA: Menjana Sumber Pendapatan Secara Strategik

Pemuliharaan Sungai Klang

Tuan Speaker, Strategi Kedua, Menjana Sumber Pendapatan Secara Strategik. Kita gagal melihat sungai sebagai sumber ekonomi dan pusat pertumbuhan. Malah pengurusan sungai menjadi mahal akibat aktiviti pembuangan sampah haram di dalam sungai yang semakin serius. 43 peratus daripada sampah yang dibuang di tebing dan di dalam sungai adalah jenis sampah pembinaan dan 39 peratus adalah jenis sampah domestik. Anggaran sampah yang dipungut setiap bulan di dalam sungai di Negeri Selangor adalah 1,614 tan dan menelan kos pungutan dan penyelenggaraan sebanyak RM 58 juta setahun.

Saya terkesan melihat kejayaan pemuliharaan 10 km Sungai Cheonggyecheon yang merentasi bandaraya Seoul. Setelah dipulihkan Sungai Cheonggyecheon menjadi nadi pertumbuhan ekonomi kota metropolis Seoul. Dengan izin, ‘*Indeed the river is a stream of life in as much as water is the lifeline of humanity*’.

Kerajaan Negeri telah mengorak langkah supaya Sungai Klang yang selam ini mengalir lesu diberikan pembelaan. Program pembangunan Sungai Klang telah bermula pada tahun 2015 dengan peruntukan berjumlah RM 9 juta bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:

1. Membersihkan dan mengutip sampah di dalam dan di tebing sungai;
2. Membina *logboom* di muara Bandar Klang di samping membaiki yang sedia ada;
3. Membeli *trash skimmer* yang berfungsi untuk menutup sampah di permukaan sungai;
4. Membina dan memasang *waste trap* di 48 kunci air di aliran masuk Sungai Klang untuk menegah sampah perbandaran terus mengalir ke dalam sungai.

Kerajaan Negeri terus bertekad mempergiatkan usaha pemuliharaan Sungai Klang dalam tempoh 5 hingga 10 tahun. Pada masa 2016 Kerajaan Negeri akan memulakan kajian komprehensif pembangunan Sungai Klang dengan peruntukan sebanyak RM 15 juta yang dibiayai secara bersama oleh 5 Pihak Berkuasa Tempatan yang berkongsi Sungai Klang iaitu MBSA, MBPJ, MPSJ, MPK dan MPAJ. Kerajaan Negeri pihak swasta untuk bersama melaksanakan perancangan bagi memajukan tebing-tebing sungai dan kawasan sekitar koridor sungai. Usaha ini mampu mengatasi masalah pembuangan sampah untuk memastikan aliran sungai tidak terganggu bagi mengurangkan masalah banjir, meningkatkan kualiti sungai memelihara kelestarian sumber air dan biodiversiti sungai serta alam sekitar.

Sungai Klang akan menjadi mercu tanda untuk menjana pertumbuhan baru dan mencetus sebuah ekosistem ekonomi maritim yang menghubungkan bandar-bandar utama di Selangor dan Kuala Lumpur menerusi jalan air, seperti mana Sungai Rhine yang menghubungkan beberapa negara di Eropah.

Pembangunan Kwasa Damansara

Tuan Speaker, mewujudkan pusat pertumbuhan baru (*new growth centre*) adalah penting untuk Selangor terus menjana ekonomi secara mampan. Ia juga mampu mencipta peluang pekerjaan.

Pembangunan bandar baru oleh Kuasa Land Sdn Bhd dengan konsep pembangunan bercampur di tapak seluas 233 ekar mampu menyediakan lebih 10 ribu unit rumah mampu milik untuk golongan berpendapatan rendah dan sederhana.

Projek ini akan dibangunkan dalam tempoh 30 tahun dan akan menyumbang kepada kerajaan negeri dalam bentuk premium tanah dengan anggaran sebanyak RM1.02 billion.

Regenerasi Bandar (*Urban Renewal*)

Pembangunan semula bandar boleh mewujudkan peluang pekerjaan, meningkatkan kualiti hidup kemudahan infrastruktur , pengurusan aset serta menjana pendapatan untuk negeri dan PBT. Transformasi daripada kawasan perindustrian lama, kepada pembangunan bercampur seperti Rancangan Kawasan Khas Seksyen 13, Petaling Jaya berdasarkan konsep “*Live, Work, Learn, Play*” akan meningkatkan hasil.

Regenerasi bandar akan turut mendapat suntikan dari pelaksanaan konsep pembangunan *Transit Oriented Development* (TOD). Pembangunan di sekitar kawasan stesen MRT, LRT, BRT dan komuter akan membentuk masyarakat yang lebih mampan, *connected* dan *vibrant*.

Galakan Pelaburan

Tuan Speaker, Invest Selangor yang berfungsi sebagai pemudah cara kepada pelabur telah memberikan imej baru dalam mempromosikan Selangor sebagai destinasi pelaburan dan hub perdagangan global.

Kerajaan Negeri menyedari kepentingan pelaburan berteknologi tinggi untuk meningkatkan produktiviti, mencipta pertumbuhan baru yang menyokong aktiviti perkilangan dan pengembangan sektor perkhidmatan. Pelaburan juga mempunyai kesan gandaan untuk membantu industri lain. Selangor adalah hub aero angkasa di Malaysia. Serendah akan dibangunkan sebagai kawasan perindustrian khusus untuk industri aero angkasa, automotif dan lain-lain industri berteknologi tinggi. Usah ini akan merancakkan lagi pembangunan di daerah Hulu Selangor. Alhamdulillah suka cita saya mengumumkan bahawa UMW Corporation dengan kerjasama *Rolls Royce* akan membangunkan sebuah kilang pengeluaran ‘*Fan Case*’ berteknologi tinggi di atas tanah berkeluasan 20 ekar di Serendah dengan nilai pelaburan sebanyak RM830 juta. Produk ‘*Fan Case*’ merupakan komponen enjin pesawat *Boeing* dan *Airbus*. Projek ini dijangka menyediakan peluang pekerjaan sebanyak 200 orang yang berkemahiran tinggi dan separuh mahir. Pengeluaran pertama produk ini dijangka bulan Oktober 2017.

Yang kedua, Syarikat Nestle (Malaysia) Berhad yang merupakan peneraju dalam bidang pemakanan telah bertapak di Negeri Selangor lebih 100 tahun yang lalu dan hari ini, Nestle terus meletakkan keyakinan kepada pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor dengan pelaburan tambahan sebanyak RM378 juta bagi membangunkan kilang Sri Muda dan pembesaran kilang Batu Tiga.

Kini, tapak pengeluaran produk makanan dan minuman di Shah Alam merupakan kilang Nestle yang terbesar di dunia dengan jumlah pekerja tempatan lebih 2,000 orang. Sehingga Jun 2015, Selangor mencatatkan sebanyak 130 projek pelaburan termasuk projek pelaburan *non-metallic mineral products* yang mencatatkan pelaburan sebanyak RM732.6 juta diikuti dengan *paper, printing and publishing* dengan nilai pelaburan sebanyak RM617.2 juta serta pembuatan makanan bernilai RM468 juta.

Negeri Selangor mempunyai potensi besar untuk memainkan peranan dinamik di peringkat serantau. Dengan penduduk melebihi 5.8 juta orang, negeri ini mempunyai 2.9 juta tenaga kerja dengan purata 98.7 peratus daripada mereka telah melalui sistem pendidikan asas dan menguasai lebih satu bahasa.

Smart Selangor tidak boleh bergantung pada tenaga buruh yang tidak mahir. Statistik menunjukkan bahawa 37 peratus daripada 14 juta pekerja di Malaysia adalah buruh asing. Daripada jumlah tersebut, 97 peratus adalah pekerja tidak mahir. Dalam usaha untuk menarik pelabur ke Negeri Selangor, Kerajaan Negeri bertekad untuk melahirkan 10 ribu *knowledge workers* setahun dan mengurangkan kebergantungan kepada buruh asing yang tidak mahir. Usaha ini boleh dicapai kerana Selangor mempunyai lebih daripada 140 kolej dan universiti di samping 30 sekolah antarabangsa.

Industrial Park

Memandangkan Selangor memiliki 198 kawasan industri dengan keluasan 16,429 hektar, langkah seterusnya adalah menyediakan pelan perancangan strategik sektor perindustrian termasuk pembangunan dan pengurusan taman perindustrian seperti di Pulau Indah, Bandar Sultan Suleiman dan Bukit Raya.

Central Spectrum aktif mempromosi *Industrial Park* dengan konsep baru *Managed Industrial Park* dengan mengekalkan *Green Sanctuary* berserta ekosistemnya, *Gated and Guarded* dan membina asrama pekerja yang selesa. Kemudahan laluan berbasikal juga disediakan. *Central Spectrum* telah membangunkan taman industri di Pulau Indah dengan keluasan 3,500 ekar yang telah menjana nilai pelaburan berjumlah RM15 bilion dalam tempoh 20 tahun. Kini, ia sedang membangunkan Fasa 3 yang meliputi 800 ekar dengan nilai pembangunan kasar (GDV) RM1.2 bilion dan nilai pelaburan dianggar RM3 bilion.

Selangor Bio Bay

Berdasarkan kejayaan inilah kerajaan negeri mengorak langkah dengan kepada pelaburan berimpak tinggi dan *niche marketing* melalui penghasilan produk bioteknologi dan sains hayat. Bidang ini dianggap sebagai pusat pertumbuhan baru global yang akan datang. Selangor *Bio Bay* akan dibangunkan di Pulau Indah

dengan keluasan 1070 ekar serta memberi fokus untuk menarik pelaburan dalam industri perubatan dan sains hayat yang berteknologi tinggi. Dengan izin Tuan Speaker, *The Unique Selling proposition is in high-tech Industry you can back to nature and remain smart.*

Industri Halal

Nilai dagangan halal global diunjur melebihi USD 46 trilion. Ini membuka peluang keemasan bagi Hub Halal Selangor untuk mengembangkan skop perniagaan dan pelaburan. Pada masa sama, usaha perlu diambil untuk menjadikan Selangor sebagai peneraju dalam program persijilan Halal *International* Selangor menerusi pembangunan program Halal Technical Competent Person (PTCP). *Collaboration Agreement* HTCP telah ditandatangani dengan universiti-universiti tempatan dan rakan strategik dari China, Jepun, Korea dan United Kingdom.

Selangor International Expo

Invest Selangor buat julung kalinya akan mengadakan pameran Selangor *International Expo* (SIE) 2015 bermula 26 hingga 28 November 2015 di *Mines Internaitonal Exhibition * Converntion Centre* (MIECC) dengan penyertaan 700 ruang pameran melibatkan kos sebanyak RM5 juta.

Ekspo ini bertujuan untuk mempromosikan Negeri Selangor sebagai hub perdagangan global dan juga menjadi platform bagi syarikat-syarikat tempatan dan asing (*multinational*) untuk memperkenalkan produk dan perkhidmatan mereka serta memberi peluang kepada mereka untuk menarik pelabur yang berpotensi untuk bekerjasama.

Komponen peserta pameran adalah dari industri seperti Elektrik & Elektronik, Sains Hayat, Peralatan Pengangkutan, Jentera dan Peralatan. Ekspo ini dijangka menerima 10,000 pelawat dari kalangan ahli-ahli perniagaan dari dalam dan luar negara khususnya dari negara-negara ASEAN dan China.

Rasionalisasi Anak Syarikat Kerajaan Negeri

Tuan Speaker, kebergantungan kepada premium, cukai dan urus niaga tanah sebagai hasil utama negeri perlu dinilai semula. Kerajaan Negeri perlu mengambil langkah strategik untuk menjana pertumbuhan yang dinamik dan organik bagi mempelbagaikan sumber pendapatan.

Menyedari cabaran ini, MBI kini dalam proses rasionalisasi dan konsolidasi aset-aset yang dimiliki oleh kumpulan Anak Syarikat MBI. Matlamat dan hala tuju DEIG adalah untuk menguruskan aset-aset milik MBI bagi mencapai penciptaan yang kukuh dan mampan atau dengan izin *sustainable value creation* bagi meningkat hasil negeri

melalui pembayaran dividen. Usaha yang inovatif ini adalah bertujuan untuk mengelakkan pertindihan aktiviti ekonomi melalui pembentukan beberapa kluster perniagaan yang memberi dampak ekonomi yang strategik kepada Kerajaan Negeri.

DEIG hanya akan mula beroperasi setelah urusan memperkemas dan memperkuatkan struktur urus tadbir diselesaikan dengan berpegang kepada prinsip kebertanggungjawaban dan ketelusan dalam pengurusan aset-aset milik Kerajaan Negeri.

Pelancongan

Tuan Speaker, pelancongan adalah salah satu sumber untuk memacu pertumbuhan ekonomi negeri. Bagi tahun 2016, dijangkakan seramai 7.35 juga pelancong akan melawat Negeri Selangor dan memberi pulangan kepada negeri dalam bentuk “*tourism dollars*”.

Permatang Kuarza Gombak Selangor merupakan permatang kuarza terpanjang di dunia yang terletak di Daerah Gombak. Kerajaan Negeri berhasrat untuk menyenaraikan PKGS sebagai Tapak Warisan Negara dan seterusnya Tapak Warisan Dunia yang akan menjadi tarikan pelancong dari dalam dan luar negeri.

Alam semula jadi mempunyai potensi besar dalam sektor pelancongan. Untuk maksud ini, Kerajaan Negeri telah membelanjakan RM1.35 juta bagi melaksanakan kerja menaik taraf Pusat Pelancongan Kelip-kelip, kemudahan infra di pantai-pantai Negeri Selangor dan pembelian trem di Bukit Melawati.

Pada tahun hadapan, Kerajaan Negeri bercadang untuk meningkatkan peruntukan kepada RM7.75 juta untuk mempromosikan pelbagai acara pelancongan, memajukan industri kraf tangan dan menaik taraf produk pelancongan bagi menarik lebih ramai pelancong dari dalam dan luar negara.

Pelancongan Kesihatan (*Health Tourism*)

Kerajaan Negeri bersetuju supaya *Selgate Corporation* menjadi peneroka dalam bidang perubatan dan kesihatan sekali gus mempromosikan ‘*health Tourism*’. Ini termasuk penggabungan dan pengambilalihan hospital atau pusat perubatan yang sedia ada, pembangunan hospital baru, usaha sama atau pembelian ekuiti saham serta lain-lain aktiviti yang berkaitan yang boleh menjana pendapatan. Pembangunan 3 buah hospital di Gombak, Shah Alam dan Setia Alam akan menelan belanja sejumlah RM300 juta dan dijangka siap pada tahun 2020.

STRATEGI KETIGA: Mempertingkatkan Pembangunan Berkualiti dan Inisiatif Peduli

Industri Perkhidmatan Air Selangor

Tuan Speaker, strategik seterusnya ialah mengenai industri perkhidmatan air Selangor. Di mana Kerajaan Negeri sangat mengambil berat, kebimbangan pengguna domestik dan industri berkenaan isu bekalan air terawat. Langkah drastik Kerajaan Negeri untuk memastikan kecukupan bekalan air terawat kepada pengguna adalah :

- i) Melaksanakan 8 pakej Projek Mitigasi 2 yang akan siap sepenuhnya pada Disember 2015. 4 pakej telah pun siap. Projek Mitigasi 2 akan memberikan tambahan air terawat sebanyak 300 JLH ke dalam sistem sedia ada dan berupaya menampung permintaan air sehingga tahun 2017. Projek ini juga menambah baik *interconnectivity* sistem agihan.
- ii) Kerajaan Negeri telah pun meluluskan 12 kebenaran merancang dan pengambilan balik 21 lot tanah bagi pembangunan Loji Langat 2.
- iii) Membaik pulih Loji Rawatan Air Sungai Langat bagi meningkatkan kapasiti loji dari 386 JLH kepada 500 JLH. Projek ini akan menyediakan sistem *standby* dan menukar pam yang berkapasiti tinggi untuk mengelakkan berulangnya kejadian henti tugas.
- iv) Menyalurkan air mentah Sungai Semantan ke Sungai Langat bermula pada 24 Ogos 2015. Projek ini bertujuan untuk memastikan bekalan air mentah mencukupi di Sungai Langat.
- v) Meneruskan kerja-kerja pengepaman kolam-kolam takungan di Bestari Jaya bagi mengawal pelepasan Empangan Sungai Selangor dan Empangan Sungai Tinggi dan ;
- vi) Membuat kajian terperinci mengenai “*Water Resources, Supply, Demand And Distribution Study For Selangor*”. Kajian ini bertujuan untuk memastikan kelestarian bekalan air mentah dan air terawat sekurang-kurangnya untuk tempoh 50 tahun.

Kerajaan Negeri memandang serius apabila pelaksanaan Projek Langat 2 hanya dijangka siap pada pertengahan tahun 2019. Lantaran itu, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah pro-aktif untuk membangunkan sumber-sumber air baru bagi memitigasikan sebarang kemungkinan kekurangan bekalan air antara tempoh 2017 dan 2019. Projek sumber air baru yang telah dikenal pasti untuk dibangunkan dengan kos bernilai RM778 juta adalah :

- i) Loji Rawatan Air Labohan Dagang, Kuala Langat yang dijangka boleh membekalkan air sebanyak 400 juta liter sehari dan;
- ii) Loji Rawatan Air Semenyih 2, Jenderam Hilir dengan kapasiti 100 juta liter sehari

Tadbir Urus Baharu Perkhidmatan Air

Pada 10 Julai 2015, Kerajaan Negeri telah berjaya merungkai satu kemerlutan panjang penswastaan industri perkhidmatan air. Kini, rakyat negeri Selangor berjaya memiliki semula industri air di negeri Selangor. Kejayaan ini telah membolehkan industri perkhidmatan air disusun semula ke arah perkhidmatan yang holistik berteraskan ketelusan, kebertanggungjawaban, efisien dan kos efektif. Mulai 15 Oktober 2015, Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh kerajaan negeri telah dengan rasminya mengambil alih pengurusan operasi SYABAS dan Puncak Niaga Sdn Bhd. Dengan kejayaan ini, *Insya-Allah*, tidak akan berlaku lagi catuan bekalan air di negeri Selangor.

Program Air Percuma

Kerajaan negeri memberikan komitmen untuk meneruskan program air percuma pada tahun 2016. Program ini telah menelan belanja sebanyak RM1.06 bilion sejak diperkenalkan pada Jun 2008.

Sementara program air percuma ini diteruskan, Kerajaan Negeri ingin menyeru supaya rakyat negeri Selangor membudayakan amalan konservasi air dalam kehidupan seharian. Statistik mendapati kadar penggunaan domestik adalah sebanyak 236 liter per orang sehari. Kadar penggunaan ini adalah sangat tinggi berbanding kadar penggunaan di Singapura hanya sebanyak 170 liter per orang sehari.

Perumahan Untuk Rakyat

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri prihatin terhadap keperluan rakyat memiliki rumah pada harga yang mampu dimiliki dan selesa untuk diduduki. Hasrat Kerajaan Negeri untuk membina 15,000 unit rumah mampu milik dalam tempoh 3 tahun melalui Skim Insentif Galakan Rumah Selangorku 2015 telah mendapat penyertaan yang aktif dari Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dan pemaju swasta. Sehingga kini, terdapat 15 pemaju yang bersedia untuk membina sejumlah 20,568 unit rumah mampu milik dan dijangka siap pada tahun 2018. Kerajaan Negeri turut bercadang untuk menaikkan kadar pendapatan isi rumah sebagai kelayakan membeli Rumah Selangorku daripada RM8,000 sebulan kepada RM10,000 sebulan. Namun, usaha Kerajaan Negeri untuk menyediakan rumah mampu milik mengalami cabaran apabila

pembeli-pembeli rumah ini menghadapi masalah pembiayaan dari bank tempatan berikutan tindakan Bank Negara mengetatkan kemudahan kredit memandangkan hutang isi rumah melonjak naik dengan mendadak. Justeru itu, Kerajaan Negeri mengambil sikap pro-aktif dengan menyediakan Skim Khas pembiayaan rumah melalui usaha sama dengan institusi perbankan dengan meletakkan cagaran berjumlah RM20 juta bagi tahun 2016. Skim ini bertujuan untuk membantu golongan peneroka bandar yang mempunyai masalah mendapatkan pembiayaan pinjaman perumahan berikutan tiada pendapatan tetap, tiada dokumen sebagai bukti pendapatan serta usia lanjut. Projek Rumah Selangorku yang terlibat dalam skim ini ialah Rumah Kos Rendah (RKR) Lembah Subang 2, RKR Rimba Jaya, RKR Ukay Indah, RKR Berembang Indah dan Taman Selayang Mutiara.

Kerajaan Negeri juga mencadangkan untuk meneruskan Skim DanaSel dengan jumlah peruntukan sebanyak RM10 juta bagi tahun 2016 bertujuan membantu golongan berpendapatan rendah memiliki rumah melalui kaedah Sewa-dan-Milik atau *Rent and Own*. Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM1.6 juta untuk membeli 40 unit rumah yang telah siap dibina bagi disewakan kepada golongan yang tidak berkemampuan membeli rumah. Bagi tahun 2016, inisiatif ini dicadang untuk diteruskan dengan tambahan peruntukan sebanyak RM1.68 juta. Kerajaan Negeri berusaha meringankan beban rakyat untuk memiliki rumah pertama dengan mewujudkan Skim ‘Selangor Smart Home Buyers’. Melalui skim ini, Kerajaan Negeri akan membuat pendahuluan bayaran deposit sebanyak 10 peratus bagi membiayai pembelian Rumah Selangorku jenis B dan C. Skim ini akan membolehkan Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) memegang sebahagian milikan rumah yang hanya boleh dilepaskan setelah bayaran balik kepada kerajaan. Untuk maksud ini, Kerajaan Negeri bercadang memperuntukkan RM10 juta yang bakal dinikmati oleh lebih 1,000 pembeli rumah mampu milik.

Pemberdayaan Kesejahteraan Bandar

Tuan Speaker, Konsep pembangunan bestari yang dilaksanakan di negeri Selangor perlulah mempunyai keseimbangan pembangunan insan dan pembangunan fizikal. Kesejahteraan rakyat bukan sahaja dinilai melalui kuantiti tetapi ia juga mengambil kira aspek kualiti kehidupan. Kerajaan Negeri menyelaras pelbagai program pemberdayaan komuniti. Program CERIA yang telah dilaksanakan semenjak tahun 2011 dengan kaedah ‘Co-Sharing’ membaik pulih harta bersama telah menampakkan keberkesanannya. Untuk itu, Kerajaan Negeri bercadang memperuntukkan sebanyak RM25 juta bagi kerja-kerja pembaikan harta bersama.

Kelangsungan kehidupan komuniti ini dipertingkatkan melalui pelaksanaan program komuniti dengan kerjasama Pesuruhjaya Bangunan Pihak Berkuasa Tempatan melalui program Keselamatan Kejiranan (SEROJA), Format Kurikulum Pengurusan Bangunan Strata Fokus, Kelab Interaktif Komuniti (K-Klik), Sistem Tadbir Urus Akaun

(K-STAC) dan Skim Pengenalan Pengurusan Kehidupan Bandar (SKORA) dicadangkan untuk diperuntukkan sebanyak RM3 juta pada tahun 2016.

Pengangkutan Awam

Tuan Speaker, kepesatan pertumbuhan ekonomi negeri Selangor telah menyumbang kepada kenaikan Kadar Purata Pertumbuhan Tahunan (KPPT) dan diunjurkan pada tahun 2020, jumlah penduduk di negeri Selangor adalah 6.8 juta orang. Pertumbuhan penduduk dan kepesatan ekonomi merupakan faktor utama untuk Kerajaan Negeri menyediakan infrastruktur perhubungan dan pengangkutan awam yang efisien kepada rakyat. Untuk maksud itu, Kerajaan Negeri sedang menyediakan kajian Pelan Induk Pengangkutan Awam untuk meneliti dan merangka aspek sistem pengangkutan awam sedia ada, sistem jaringan jalan raya yang akan membantu sistem penyuraian trafik termasuk melaksanakan nisbah pengangkutan awam kepada penggunaan kenderaan persendirian iaitu 60:40 berbanding nisbah yang ditetapkan oleh SPAD iaitu 40:60. Kerajaan Negeri memperuntukkan RM990,000.00 untuk Pelan Induk Pengangkutan Awam dan dijangka siap pada Disember 2015.

Tekanan pembangunan yang pesat di negeri Selangor telah melebihi kemampuan kapasiti sistem pengangkutan sedia ada. Justeru itu, Kerajaan Negeri perlu beranjak kepada sistem pengangkutan awam yang bersepadu, berkapasiti tinggi dan mampu serta mesti diselaraskan dengan penggunaan tanah yang optima. Pelan struktur sistem pengangkutan awam perlu mengambil kira pandangan ramai, keperluan pertumbuhan baru, kepadatan penduduk dan zon pembangunan TOD.

Untuk membuktikan komitmen dalam menjayakan usaha ini, Kerajaan Negeri sedang aktif berbincang dengan prasarana Malaysia Berhad berhubung cadangan pembangunan Projek Transit Aliran Ringan Laluan 3 (LRT 3) dari Bandar Utama ke Johan Setia sejauh 36 km yang dijangka mampu menampung kapasiti 70 ribu penumpang sehari menjelang tahun 2020.

Bas Smart Selangor

Kerajaan Negeri telah pun membelanjakan RM3.5 juta untuk program bas percuma di Majlis Bandar raya Shah Alam (MBSA), Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dan Majlis Perbandaran Klang (MPK). Perkhidmatan Bas ‘Smart Selangor’ ini bertujuan mengurangkan penggunaan pengangkutan persendirian sebagai langkah pengurangan karbon dan menuju ke arah ‘Negeri Hijau’.

Perkhidmatan ini mendapat sambutan yang menggalakkan di kalangan pelajar universiti, pekerja kilang dan penjawat awam. Bagi tahun 2016, Kerajaan Negeri bercadang untuk memperluaskan perkhidmatan bas ‘Smart Selangor’ di MPAJ dan MPK dengan tambahan peruntukan berjumlah RM10 juta.

Infrastruktur dan Kemudahan Awam

Kerajaan Negeri menerima geran MARRIS (*Malaysian Road Record Information System*) sekitar RM500 juta setahun. Kerajaan Negeri bersetuju untuk mengoptimakan penggunaannya selaras dengan Garis Panduan Tatacara Pengurusan Penyelenggaraan Jalan-jalan Negeri.

Walau bagaimanapun, peruntukan MARRIS ini mempunyai kekangan di mana ia hanya boleh digunakan bagi tujuan penyelenggaraan sahaja tanpa melibatkan skop kerja-kerja bina baru mahupun kerja-kerja naik taraf. Maka, dalam Mesyuarat Majlis Kewangan Negara pada bulan Jun 2015 yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Kerajaan Negeri telah mengesyorkan agar Kementerian Kewangan menyemak semula Garis Panduan Tatacara Pengurusan Penyelenggaraan Jalan-Jalan Negeri bagi memenuhi peningkatan kapasiti dan keperluan infrastruktur perbandaran semasa.

Pembinaan dan Naiktaraf Jalanraya

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah RM320.1 juta pada tahun 2015 bagi membiayai pembangunan projek infrastruktur dan kemudahan awam untuk memenuhi keperluan pembangunan sosial dan ekonomi negeri terutamanya perhubungan jalan raya agar rakyat menikmati kemudahan *accessibility*, mengurangkan kesesakan dan menyediakan jalan alternatif. Daripada jumlah ini, sebanyak RM196.1 juta dibelanjakan bagi membina jalan baru dan menaiktaraf jalan raya.

Antara projek-projek yang sedang dilaksanakan termasuklah :

- i) Menaiktaraf Laluan dari Simpang 3 Ijok – Simpang Jaya Setia (Fasa 1) Daerah Kuala Selangor – RM19.15 juta;
- ii) Menaiktaraf Jalan Reko Daerah Hulu Langat – RM15 juta dan;
- iii) Menaiktaraf Jalan Rawang – Batang Berjuntai (Fasa 2) dari Persimpangan Bandar Country Homes ke Sempadan Daerah Kuala Selangor – RM4.6 juta.

Bagi tahun 2016, sejumlah RM373 juta diperuntukkan kepada JKR Negeri Selangor bagi membiayai pembangunan projek infrastruktur dan kemudahan awam. Ini adalah peningkatan sebanyak RM53 juta berbanding peruntukan tahun 2015.

Daripada jumlah ini, sebanyak RM199.2 juta disediakan bagi melaksanakan projek membina dan menaiktaraf jaringan jalan raya. Antara projek-projek yang akan dilaksanakan adalah :

- 1) Menaiktaraf Persiaran Mokhtar Dahari, daerah Petaling dengan kos pembangunan sebanyak RM150 juta. Projek ini diberikan keutamaan setelah mengambil maklum akan keluhan rakyat terhadap kesesakan lalu lintas yang luar biasa yang dialami setiap hari.
- 2) Membina jalan sambungan Kota Warisan Sepang sejauh 3.9 km dengan kos pembangunan sebanyak RM109 juta. Projek ini tertangguh sejak tahun 2006. Saya telah turun ke lokasi dan dapat merasai kegetiran pengguna jalan raya. Maka, saya bertanggungjawab untuk mengutamakan projek penyuraian trafik ini demi kemudahan rakyat sekitar.

Rancangan Tebatan Banjir

Laporan *World Economic Forum 2014* menyebut bahawa peningkatan kejadian cuaca ekstrem seperti banjir dan ribut adalah di antara 10 risiko tertinggi global. Jumlah taburan hujan di Negeri Selangor dijangka meningkat dan beberapa daerah mengalami risiko tinggi hujan lebat dan berlaku banjir.

Kerajaan Negeri mengambil perhatian serius tentang isu banjir kilat dan mendapati salah satu punca berlakunya banjir kilat adalah kegagalan untuk menyelenggarakan kolam-kolam takungan. Hal demikian berlaku kerana ketiadaan keempunyaan yang jelas ke atas penjagaan dan penyelenggaraan kolam takungan.

Kerenah birokrasi berakhir di sini. Kerajaan Negeri telah memutuskan supaya JPS diberi keupayaan untuk menyelenggarakan 314 kolam takungan melalui Akaun Amanah Caruman Parit bagi tempoh tiga tahun mulai 2015 sejumlah RM30.67 juta dikeluarkan dari akaun ini untuk kerja-kerja penyelenggaraan kolam-kolam takungan.

Bagi tahun 2016, Kerajaan Negeri mencadangkan untuk menambah peruntukan pembangunan JPS kepada RM80 juta. Ini merupakan peningkatan sebanyak 70.21%. Di samping itu juga, Kerajaan Negeri mencadangkan pertambahan peruntukan mengurus bagi kerja-kerja penyelenggaraan kolam takungan sebanyak RM12 juta. Ini menjadikan jumlah keseluruhan perbelanjaan penyelenggaraan kolam takungan kepada RM24 juta.

Antara projek yang akan dilaksanakan adalah untuk menangani masalah banjir di Johan Setia, Telok Gadong, Pandamaran dan Kapar. Selain itu, penambahbaikan sistem saliran di Kampung Melayu Sungai Buloh dan Kampung Tasik Permai, Hulu Langat.

Pembangunan Luar Bandar

Kerajaan Negeri komited untuk menyuntik dinamisme ekonomi, sosial dan infrastruktur di luar bandar. Fokus Kerajaan Negeri pada tahun 2016 adalah untuk

merevolusikan pembangunan desa dan luar bandar. Bagi tujuan ini, Kerajaan Negeri mencadangkan peruntukan sebanyak RM40.48 juta yang meliputi RM10 juta untuk kerja-kerja naiktaraf dan baik pulih jalan-jalan kampung, RM5 juta untuk kemudahan asas desa termasuk membaik pulih dan membina balairaya serta jambatan. Manakala RM5.65 juta diperuntukkan untuk program pembangunan ekonomi nelayan, petani dan penternak serta RM5 juta lagi untuk pembangunan kampung baru.

Dalam Belanjawan 2015, saya telah menarik perhatian Dewan berhubung jaminan bekalan makanan (*food security*) yang menuntut Negeri Selangor untuk menjadi pengeluar makanan utama dengan kemahiran teknologi dan menguasai *global supply chain*. Warga peladang, penternak dan nelayan perlu diberikan dorongan untuk meningkatkan kemahiran dan menggunakan teknologi yang berinovasi.

Di dalam merangka strategi memperkasa sektor ini, konsep *food belt* dan *food priority* akan menjadi asas kepada dasar pertanian Negeri Selangor. Kerajaan Negeri bersedia untuk menyediakan tapak ladang pertanian dengan penggunaan teknologi bagi menentukan jenis tanaman yang memberi pulangan tinggi kepada petani.

Atas kesedaran untuk memangkin pertumbuhan sektor pertanian, Kerajaan Negeri mencadangkan sejumlah RM26 juta diperuntukkan bagi tahun 2016 yang merangkumi RM18 juta untuk Jabatan Pertanian dan RM8 juta untuk Jabatan Veterinar. Kerajaan Negeri akan mempertingkatkan lagi kualiti dan tahap program pertanian yang sedang dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian supaya mengarah kepada penggunaan teknologi moden dengan lebih agresif lagi. Tumpuan juga akan diberi kepada penglibatan generasi muda yang beriltizam dan berpengetahuan menerusi Program Agro Generasi Muda Selangor (Agrogems). Penambahbaikan.....(**masalah teknikal**). Sebab itu kita perlu jadi *Smart Selangor*.

Penambahbaikan Pengurusan Sisa Pepejal

Semenjak saya terjah melihat sampah, kebersihan awam merupakan agenda utama Kerajaan Negeri. Komitmen untuk menjadikan Selangor bersih telah ditonjolkan menerusi inisiatif penyeragaman tong sampah pada setiap pintu rumah. Inisiatif ini dimulakan dengan pemberian 3,000 tong sampah.

Rakyat sering mengeluh mengenai masalah kutipan sampah yang tidak responsif dan konsisten. Lanjutan daripada kajian yang dilaksanakan, Kerajaan Negeri mendapati bahawa masalah ini disebabkan oleh ketiadaan *economies of scale*, ketidakupayaan kontraktor kecil membuat pelaburan dalam perbelanjaan modal (*CAPEX*), ketiadaan KPI yang jelas terhadap kontraktor, nilai kontrak yang relatifnya rendah dan skop perkhidmatan yang tidak seragam di kalangan PBT.

Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk merombak pengurusan sisa pepejal kerana mekanisme sedia ada tidak dapat menyelesaikan masalah sisa pepejal dengan cekap dan berkesan. Kerajaan Negeri memberi jaminan bahawa mekanisme pengurusan sisa pepejal yang baru akan menjamin pemilihan kontraktor menggunakan proses perolehan tender terbuka dan menolak amalan monopoli, memastikan kesaksamaan penyertaan kontraktor yang berkelayakan dan mengekalkan perkhidmatan kontraktor kecil dengan syarat memenuhi KPI yang ditetapkan.

Penggunaan teknologi *landfill* secara berterusan bukanlah suatu penyelesaian yang lestari. Dampak negatif jangka panjang seperti *lost opportunity* harta tanah, kos rehabilitasi yang tinggi, pencemaran air bawah tanah dan udara secara terbuka bakal merugikan negeri dan menjelaskan alam sekitar. Untuk tujuan ini, saya menggesa Dewan ini agar mencari suatu penyelesaian yang lebih mampan dengan mengambil kira kos pelaburan yang tidak membebankan rakyat dan menjamin keselamatan.

Taman Rakyat

Kehidupan bandar yang penuh dengan cabaran dan tekanan perlu disulami dengan gaya hidup yang sihat, harmoni dan sejahtera. Untuk maksud itu, Kerajaan Negeri bercadang untuk melihat pembangunan bukan sahaja dalam konteks hutan konkrit tetapi juga pembangunan hijau. Pada 10 Jun 2015, Kerajaan Negeri bersetuju mewartakan tapak seluas 40.8 ekar sebagai taman rakyat dan taman awam di Seksyen 13, Shah Alam yang akan diselenggarakan oleh MBSA. Taman ini menawarkan kemudahan serta aktiviti interaktif termasuk taman tema hijau yang didedikasikan untuk kanak-kanak. Taman hijau ini akan melengkapi kehidupan bandar yang berkualiti. Kerajaan Negeri mencadangkan sejumlah RM40 juta sebagai kos keseluruhan pembangunan taman rakyat.

Program Bantuan Makanan Asas

Kerajaan Negeri tuntas untuk menjadikan prinsip keadilan sosial sebagai teras dalam amalan pentadbiran, menyelami kepayahan rakyat terbanyak dan mempertingkat usaha kebijakan.

Atas keprihatinan inilah Kerajaan Negeri bercadang untuk memperkenalkan Program Bantuan Makanan Asas yang akan diperuntukkan sejumlah RM3 juta sebagai salah satu strategi bagi membantu golongan yang kurang berkemampuan meringankan kos sara hidup yang kian meningkat. Program ini akan memberi manfaat kepada 5,000 keluarga termiskin di Negeri Selangor.

Pengecualian Cukai

Kegawatan ekonomi hari ini menekan kehidupan sehari-hari peniaga-peniaga kecil dan golongan berpendapatan rendah. Kerajaan ini adalah kerajaan peduli rakyat. Maka, saya ingin mencadangkan supaya cukai taksiran bagi kos rumah rendah, rumah kampung dan fi lesen perniagaan penjaja kecil, pasar malam dan pasar tani dikecualikan bagi tahun 2016. Langkah ini akan memberi implikasi kewangan kepada PBT sebanyak RM41.7 juta.

Pengecualian cukai ini akan memberi manfaat kepada 220,247 pegangan rumah kos rendah dan kediaman kampung dengan jumlah pengecualian sebanyak RM34.5 juta. Manakala, seramai 67,804 pemegang lesen penjaja gerai dan pasar akan menikmati pengecualian ini yang bernilai RM7.2 juta.

Program Hijrah

Belanjawan 2015 telah memperkenalkan program HIJRAH yang memberi manfaat kepada 11,148 orang peserta dengan jumlah pembiayaan sehingga 30 September 2015 berjumlah RM58.4 juta. Alhamdulillah, peratusan kutipan bayar balik adalah tinggi iaitu 99.98%. Jumlah penerima dijangka akan terus meningkat dan disasarkan sehingga 21,000 orang pada penghujung tahun 2015.

Program HIJRAH adalah berteraskan konsep “Pinjaman Asas Simpanan”. Hasil pulangan akan ditabungkan di dalam Tabung Hijrah Selangor sebagai simpanan peserta. Selain itu, Koperasi HIJRAH Selangor yang bakal dilancarkan pada akhir tahun ini bertujuan untuk membuka ruang dan peluang perniagaan yang lebih besar kepada peserta program manakala Bazaar HIJRAH akan memberi ruang untuk menjual produk-produk yang dihasilkan di satu ruang niaga yang bersepadu.

Yayasan Hijrah Selangor akan mengaudit kejayaan program Hijrah melalui jumlah peserta yang telah berhijrah daripada golongan berpendapatan rendah kepada golongan berpendapatan menengah.

Yayasan Hijrah akan diberi peruntukan tambahan sebanyak RM31 juta bagi tahun 2016 untuk meluaskan program mikro kredit dengan mensasarkan golongan khusus seperti ibu tunggal, asnaf, pekerja ladang, belia dan golongan OKU.

Program Kebajikan Untuk Warga OKU

Kerajaan Negeri akan terus membantu meningkatkan taraf sosioekonomi rakyat termasuk golongan Orang Kurang Upaya, warga emas dan kanak-kanak.

PBT perlu responsif dalam memberikan keselesaan dan memenuhi keperluan dan kemudahan aksesibiliti OKU seperti penyediaan *ramp*, *handrail* dan tempat letak

kereta khas golongan OKU. Langkah pro-aktif perlu dimulakan segera dengan mengenal pasti program pembangunan latihan dan pembelajaran termasuk menambah bahan bacaan *braille* dan audio yang diperlukan.

Sejumlah RM270,000.00 dicadang diperuntukkan bagi tahun 2016 untuk program pembangunan dan pemberdayaan golongan OKU tidak termasuk peruntukan yang disediakan oleh PBT.

DIDIK Smart Selangor

Bagi yang pernah menonton filem ‘*My Name Is Khan*’ lakonan Shah Rukh Khan, Dato’ Shah Rukh Khan kita akan menginsafi watak Khan yang sukar berkomunikasi dan hidup dalam dunianya sendiri kerana menghidap *autisme*.

Kini terdapat lebih 20 pusat pendidikan autisme, *cerebral palsy* dan *down syndrome* di Negeri Selangor. Kos rawatan dan latihan seorang anak *autisme* mencecah sehingga lebih RM2,000.00 sebulan. Kos ini membebankan keluarga berpendapatan rendah dan sederhana. Oleh itu, Kerajaan Negeri bercadang melaksanakan projek perintis pusat sehenti bagi rawatan autisme yang dikenali sebagai Pusat Didikan dan Terapi *Smart Selangor* (DIDIK *Smart Selangor*) dengan kos RM500,000.00 di mana ibu bapa boleh menghantar dan mendapatkan rawatan untuk anak-anak mereka.

Pembangunan SRJK(T) Ladang Desa Coalfield, Daerah Kuala Selangor

Pembangunan SRJK(T) Ladang Desa Coalfield akan dibangunkan untuk kemudahan pendidikan anak-anak pekerja ladang. Pembangunan sekolah berasrama ini akan menempatkan sekurang-kuranya 500 orang pelajar dan dibiayai melalui Tabung Amanah Anak Pekerja Ladang Coalfield.

Pembangunan ini bertujuan untuk membantu anak-anak pekerja ladang mendapat pendidikan yang sempurna dan cemerlang sekali gus mengurangkan kemiskinan di kalangan pekerja ladang. Pihak JKR Negeri Selangor telah pun menerima skop kerja daripada Lembaga Sekolah pada 29 Jun 2015 dan Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor sedang mengambil langkah-langkah perlu bagi mendapat kelulusan daripada Jabatan Pemetaan dan Ukur (JUPEM) bagi isu persempadan tanah. Peruntukan berjumlah RM4 juta kepada JKR Selangor akan disalurkan dalam masa yang terdekat.

Program Pekerja Ladang dan Kerajaan Prihatin

Kerajaan Negeri bercadang memperuntukkan RM1.5 juta bagi tahun 2016 untuk pekerja dan bekas pekerja ladang bagi membantu mereka menyesuaikan kehidupan untuk mencorakkan masa depan.

Kerajaan Negeri juga mencadangkan peruntukan sejumlah RM1 juta untuk meneruskan Program Bantuan Rumah Prihatin di mana rumah akan dibina dan diberikan secara percuma kepada mereka yang layak.

Pencegahan Denggi

Kerajaan Negeri menyedari bahawa masalah denggi masih serius dan perlu ditangani dengan berkesan dan komprehensif. Kerajaan Negeri bercadang memperuntukkan sebanyak RM1.5 juta untuk program pencegahan dan kawalan denggi melalui tindakan pemeriksaan dan penguatkuasaan yang lebih ketat termasuk rumah kediaman dan tapak projek pembinaan. Pada masa sama, Kerajaan Negeri menyarankan agar masyarakat bersama-sama membantu menjaga kebersihan di kawasan kediaman masing-masing untuk memastikan tempat pembiakan nyamuk aedes dapat dihapuskan sama sekali.

Kerajaan Negeri juga bercadang untuk memperuntukkan RM500,000 bagi program Sihat Selangor yang meliputi program Kayuhan Jantungku, Larian Jantungku, saringan kesihatan dan pameran kesihatan bagi meningkatkan kesedaran awam tentang gaya hidup sihat dan cergas.

STRATEGI KEEMPAT: Memperkuuh Kualiti Pendidikan dan Latihan

Tuan Speaker, Strategi keempat memperkuuhkan latihan dan pendidikan. Dalam menghadapi cabaran masa kini, kita memerlukan anjakan paradigma dalam sistem pendidikan. Usaha ini menuntut sistem pendidikan yang holistik untuk membentuk graduan yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik tetapi juga berakhhlak tinggi.

Kita perlu membina jenama yang unggul bagi institusi pengajian tinggi negeri dan memposisi institusi tersebut di peta pendidikan serantau. Ini akan memperkuuhkan daya saing graduan dan mempertingkatkan kebolehpasaran mereka.

UNISEL

Saya melihat potensi besar UNISEL untuk memainkan peranan dalam mencorakkan pembangunan Negeri Selangor dengan mencetuskan perubahan dan anjakan dalam pendidikan bagi menggarap visi *Smart Selangor*.

Untuk menunjukkan komitmen Kerajaan Negeri terhadap sektor pendidikan, sejumlah RM60 juta pemberian telah pun disalurkan pada tahun 2014 untuk baik pulih sistem pembetungan dan baik pulih asrama. Pada tahun 2016, Kerajaan Negeri bercadang untuk memperuntukkan sebanyak RM20.9 juta untuk membayai pembayaran balik sukuk BalDS.

Kerajaan Negeri bercadang meneruskan program Brain Bank dengan dana RM 5 juta dan program Biasiswa Selangorku berjumlah RM10 juta melalui Tabung

Amanah. Selain itu, Kerajaan Negeri juga bercadang untuk meneruskan Dana Bantuan Sara Diri Anak Selangor dengan peruntukan berjumlah RM 2 juta sebagai bantuan awal kepada mahasiswa UNISEL dan KUIS. Bagi memastikan lebih ramai anak Selangor mendapat manfaat daripada program ini, Kerajaan Negeri bersetuju supaya syarat kelayakan pendapatan isi rumah diubah daripada RM3,000 ke RM5,000 sebulan.

Kerajaan Negeri mengiktiraf peranan besar yang dimainkan oleh Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dalam pembangunan modal insan. Mulai tahun hadapan, UNISEL akan mengiktiraf Sijil *Unified Examination Certifacete* (UEC) yang diperkenalkan oleh Gabungan Persatuan Ahli Lembaga-Lembaga Sekolah Cina (Dong Zhong). Usaha ini boleh mengelakkan masalah *brain drain* yang semakin ketara. Statistik menunjukkan seramai 3,000 pelajar menamatkan pelajaran dengan sijil UEC setiap tahun.

Maahad Tahfiz

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri menyedari minat ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka ke Maahad Tahfiz. Maka, kita perlu memastikan graduan Maahad Tahfiz mempunyai peluang melanjutkan pelajaran dan mempunyai kerjaya di masa hadapan.

Kerajaan Negeri bukan sahaja mahu melahirkan para huffaz seperti kebiasaannya, namun integrasi antara bidang hafalan Al-Quran dengan akademik yang memberi wajah baru kepada golongan agamawan dan umat Islam keseluruhannya pada masa hadapan.

Untuk maksud itu Kerajaan Negeri bercadang untuk membina 3 buah Maahad Tahfiz yang baru dengan kos pembangunan berjumlah RM 18 juta. Kerajaan Negeri juga akan membina dua buah Maahad Integrasi Tahfiz Sains dan Teknologi (MITS) di Pandan dan Bagan Lalang dengan kos pembangunan RM 52 juta mulai 2016. Pada masa sama, Kerajaan Negeri akan menaik taraf kemudahan Maahad Tahfiz Integrasi Sains *Darul Turoth* di Bagan Terap dengan peruntukan berjumlah RM 3 juta.

Program Kemahiran Teknikal

Kerajaan Negeri memandang serius peratusan pelajar-pelajar yang tercicir dan tidak mendapat tempat di institut pengajian tinggi tetapi mempunyai potensi dalam bidang kemahiran. Maka, Kerajaan Negeri mencadangkan peruntukan sebanyak RM 4 juta untuk meluaskan penajaan program kemahiran teknikal bagi golongan ini di INSPENS.

Boot Camp

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri berhasrat untuk membina sistem pendidikan sehingga pencapaian kerjaya. Dalam usaha untuk mencapai taraf *Smart State*, tahap dan kualiti tenaga kerja merupakan satu pertimbangan yang penting. Kerajaan Negeri akan memperkenalkan salah satu program yang telah diuji dan terbukti keberkesanannya di negara-negara maju iaitu *Boot Camp*. *Boot Camp* dapat menyediakan graduan kita dengan *soft skills* dan kemahiran untuk meningkatkan kebolehpasaran mereka mendapat pekerjaan. Objektif *Boot Camp* adalah untuk melatih dan meningkatkan kemahiran graduan.

Kerajaan Negeri bercadang untuk melaksanakan *Graduate Employability Enhancement Program* dengan kos sebanyak RM 1.5 juta di mana graduan dapat mengikuti pelbagai kursus pendek seperti menghadapi temu duga, pengucapan awam, pengurusan projek dan sebagainya. Ini akan seterusnya meningkatkan kebolehpasaran mereka menghadapi dunia pekerjaan.

STRATEGI KELIMA: Membangun Kapasiti Wanita, Generasi Y dan Ekonomi Kreatif

Membangun Kapasiti Wanita

Akhirnya Tuan Speaker, strategi yang kelima, membangun kapasiti wanita, generasi Y dan ekonomi kreatif menjadi trend masa kini, wanita muda yang berkerjaya dan telah berkeluarga terpaksa meninggalkan alam pekerjaan demi keluarga. Kerajaan Negeri menghargai pengorbanan wanita dalam membina institusi keluarga.

Kerajaan Negeri amat prihatin dan tidak mahu bakat dan sumber daya wanita muda ini disia-siakan. Dengan mengoptimumkan guna pakai sistem teknologi maklumat, Kerajaan Negeri akan memulakan program perintis Selangor Homemaker Program, di mana wanita profesional diberi peluang untuk memohon waktu bekerja secara anjal atau bekerja dari rumah.

Pusat Penjagaan Anak-anak

Sebagai sebuah kerajaan yang peduli rakyat, kita mahu melihat lebih banyak pusat penjagaan anak-anak (*Affordable Childcare Centre*) didirikan di kawasan perumahan mampu milik dengan prasarana yang lengkap bagi membolehkan anak-anak kita diasuh dengan selamat dan sempurna. Justeru, Kerajaan Negeri mencadangkan agar Pihak Berkuasa Tempatan mengkaji garis panduan pembangunan sedia ada untuk memastikan pusat penjagaan anak-anak disediakan terutama di kawasan perumahan mampu milik dan kos rendah.

Pusat Wanita Berdaya

Kerajaan Negeri bercadang memperuntukkan RM 3 juta bagi tahun 2016 untuk membangun kapasiti wanita menerusi program pembangunan dan pemberdayaan wanita di Pusat Wanita berdaya (PWB). Selain itu, PWB juga akan berperanan membangun komuniti perniagaan kecil dan sederhana dari kalangan wanita luar bandar melalui PWB Shopper, pusat pengumpulan dan jualan produk makanan dan kraf tangan *home based*.

He for She Campaign

Kerajaan Negeri melihat isu keganasan domestik sebagai isu besar. Dalam tahun 2014 sebanyak 657 laporan polis telah dibuat berhubung keganasan domestik di Negeri Selangor. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri menggesa semua pihak, pemimpin dan organisasi untuk bersama memastikan kes sebegini dihentikan dan ditangani serta-merta. Usaha PEKAWANIS sebagai penyelaras dan operator Rumah Kebajikan Puteri Arafiah di Shah Alam bagi melindungi remaja yang mempunyai masalah sosial perlu mendapat dukungan dari masyarakat.

Usaha Lembaga Swadaya Masyarakat seperti *Womens Aid Organisation* (WAO) untuk membantu mangsa keganasan domestik selama lebih 30 tahun adalah dihargai oleh Kerajaan Negeri. Maka, Kerajaan Negeri bercadang untuk menyediakan bantuan dana sejumlah RM50,000 kepada NGO yang menyediakan khidmat *crisis intervention* serta program kesedaran awam untuk melindungi wanita dan kanak-kanak seperti program *He for She Campaign* yang telah dilancarkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Sukarelawan dan Learning Centre

Tuan Speaker, Gen Y adalah generasi yang bertenaga, *resourceful* dan memiliki keupayaan luar biasa untuk menyumbang kepada masyarakat. Manifestasi daripada kaya tenaga dan idea ini adalah semangat kesukarelawan yang harus dibudayakan di kalangan generasi muda. Untuk maksud itu, Kerajaan Negeri akan melaksanakan projek perintis untuk menyediakan pusat pembelajaran atau *learning centre* di kawasan perumahan kos rendah bagi menyediakan ruang santai yang sihat, pusat pembelajaran dan riadah selepas waktu sekolah dengan kemudahan komputer, WiFi Smart Selangor, ruang pembelajaran serta program tuisyen percuma bagi membolehkan sukarelawan muda menyumbang khidmat pendidikan kepada masyarakat. Sementara itu bagi menggalakkan program dan kegiatan generasi muda di peringkat PBT, Kerajaan Negeri bercadang untuk memperuntukkan sejumlah RM 1.45 juta untuk Penggerak Belia Tempatan (PeBT).

Pembangunan Generasi Muda dan Sukan

Tuan Speaker, pada tahun 2015, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Dasar Belia Negeri Selangor yang merupakan teras kepada pembangunan generasi muda meliputi pelbagai aspek seperti pendidikan dan latihan kemahiran, keusahawanan dan pekerjaan, kepimpinan dan organisasi, teknologi maklumat dan komunikasi serta kemasyarakatan, jaringan dan kesukarelawanan. Pada tahun 2016, Kerajaan Negeri mencadangkan peruntukan sejumlah RM 25.08 juta bagi program pembangunan generasi muda dan sukan. Ini termasuklah cadangan perbelanjaan sebanyak RM 17.68 juta bagi tujuan pembangunan atlet dan baik pulih infrastruktur sukan.

Akademi Merah Kuning

Kegemilangan bola sepak Selangor harus dikembalikan dengan potensi besar yang dimiliki oleh pasukan Selangor pada hari ini.

Bagi tahun 2016, Kerajaan Negeri bertekad untuk melakar kecemerlangan dalam sukan bola sepak dengan agenda pembangunan bola sepak yang lebih holistik dan profesional. Justeru, Kerajaan Negeri dengan kerjasama anak-anak syarikat akan menyumbang RM 23 juta untuk Bola Sepak Selangor termasuk membangunkan Akademi Merah Kuning demi menggilap bakat pemain-pemain muda Selangor seawal usia 16 tahun.

Sports Tourism

Kerajaan Negeri berhasrat untuk memperkenalkan *Sports Tourism* yang merangkumi aktiviti sukan seperti paragliding, badminton, berbasikal, *extreme game*, *skateboard* dan *roller blade*. Aktiviti ini memenuhi cita rasa Gen Y yang akan menarik lebih banyak penglibatan dalam usaha untuk melahirkan generasi yang sihat dan cemerlang. Justeru, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Warisan bercadang menaik taraf kemudahan sukan *paragliding* di Bukit Batu Pahat, Kuala Kubu Baharu sebagai persiapan Sukan SEA 2017 serta menarik pelancong sukan tersebut.

Keselamatan di Stadium

Kerajaan Negeri memandang serius insiden membakar dan mencampakkan suar dan mercun roket serta bom asap ke dalam kawasan padang dan di atas trek balapan semasa perlawanan di antara Malaysia dengan Arab Saudi pada 8 September 2015 di Stadium Shah Alam. Kerajaan Negeri telah siap memasang 80 unit CCTV di Stadium Shah Alam pada awal Oktober 2015.

Langkah ini membantu meningkatkan kawalan keselamatan dan memberi keyakinan kepada penonton dan pengunjung serta penganjur sukan bahawa Stadium Shah

Alam adalah zon yang selamat. Kerajaan Negeri bertegas mahu budaya samseng dan amalan *hooligan* dalam sukan dibanteras.

Ekonomi Kreatif

Pembangunan ekonomi perlu diimbangi dengan *soft sector* seperti fesyen, muzik, filem, konsert dan lain-lain kegiatan intelektual dan kebudayaan yang turut mencipta pekerjaan dan pulangan ekonomi. Hari ini, industri kreatif semakin rancak dengan pembangunan *apps*, animasi dan lain-lain. Kerajaan Negeri berusaha untuk menjadikan *Smart Selangor* sebagai “*watering hole for arts aficionados*”.

Usaha Penterjemahan dan Buku Audio

Usaha penterjemahan untuk memperkayakan khazanah ilmu akan diteruskan. Hari ini, gerakan pencerahan awam akan dilonjakkan oleh teknologi melalui perkembangan pesat buku audio. Selangor mahu menjadi pemimpin dalam kegiatan pencerahan ini melalui produksi buku audio karya Melayu klasik dan moden yang akan turut membantu golongan OKU penglibatan berkongsi pencerahan. Untuk maksud ini, Kerajaan Negeri bercadang untuk memperuntukkan sejumlah RM2 juta.

Institut Darul Ehsan (IDEA) dibentuk sebagai *think tank* bagi menggembling tenaga fikir dan membantu merangka kebijakan untuk menghadapi cabaran masa depan. Bagi tahun 2016, Kerajaan Negeri mencadangkan peruntukan sejumlah RM5 juta untuk merancakkan wacana serta mempergiatkan aktiviti penyelidikan dan penerbitan.

Warisan Kebudayaan Orang Asli

Kebudayaan masyarakat Orang Asli seperti Temuan dan Mah Meri adalah sebahagian daripada warisan Negeri Selangor. Sebagai usaha memartabatkan warisan ini, Kerajaan Negeri akan melaksanakan Projek Peta Kebudayaan dengan kerjasama pusat kebudayaan, PUSAKA dan muzium terkenal *Smithsonian Institution* di Amerika Syarikat. Kerajaan Negeri mencadangkan peruntukan sejumlah RM1 juta bagi menjayakan projek ini.

World Muslim Fashion City

Dunia Islam adalah tamadun yang sangat kosmopolitan. Dalam dramanya yang bertajuk Hamlet, Shakespeare mengungkapkan peri pentingnya fesyen dalam kehidupan manusia : “*The apparel of proclaims the man*” – manusia adalah menurut fesyen pakaianya. Selangor mahu merayakan fesyen yang menampilkan kepelbagaian identiti dan *kosmopolitanisme* dunia Islam dengan membangunkan Shah Alam sebagai *World Muslim Fashion City*.

Ledakan saiz golongan kelas menengah Islam dan keyakinan beragama telah mencetuskan gerakan trend fesyen keperibumian, hijabista dan pakaian sukan wanita yang sopan. Selangor perlu mengambil peluang dari *gejala fashionista “the rise and rise of Muslim fashion industry.”* Melalui inisiatif ini, kita yakin Shah Alam akan masyhur sebagai pusat fesyen umat Islam di peringkat nasional dan antarabangsa.

Art Gallery, Muzium Tekstil, Muzium Setem dan Heritage Walk

Kerajaan Negeri telah memulakan inisiatif untuk membangunkan *Art Gallery* (Galeri Seni) dan Muzium Tekstil di Royal Klang Club untuk mempamerkan koleksi lukisan dan kain tenun serta menempatkan hasil-hasil karya seni bagi tujuan menarik pelancong dan pengunjung. Keseluruhan kos pembangunan ini dianggarkan berjumlah RM30 juta termasuk membina *Heritage Walk*.

Kerajaan Negeri sedang merancang untuk membina Muzium Setem di Shah Alam bagi menyimpan dan mempamerkan koleksi setem yang mempunyai nilai sejarah dan warisan yang perlu dipelihara dan dijadikan destinasi pelancongan khususnya di kalangan generasi muda dan pelajar-pelajar sekolah. Pembinaan Muzium Setem ini dijangka bernilai RM15 juta.

Open Studio

Lanjutan daripada pengumuman Petaling Jaya sebagai Kota Seni, Kerajaan Negeri mencadangkan supaya MBPJ dapat mewujudkan Open Studio sebagai ruang untuk pengkarya muda yang meliputi seni catan, seni cetak dan seni arca. Semoga usaha ini akan membolehkan Selangor menganjurkan pameran bertaraf ‘biennale’ seperti yang dianjurkan di Gwangju, Korea Selatan dan Jogjakarta, Indonesia. Gagasan ini akan membuka lembaran baru serta memberi dampak besar bukan sahaja kepada arena seni visual, tetapi juga kepada industri kreatif secara keseluruhannya.

PENUTUP

Tuan Speaker, hari ini genap 1 tahun, 1 bulan dan 8 hari saya diberikan amanah sebagai Dato' Menteri Besar Selangor yang ke-15. Saya bersyukur dapat menggalas amanah dan tanggungjawab ini dengan kerjasama cemerlang daripada Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Negeri, Y.B. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri dan seluruh anggota perkhidmatan awam Negeri Selangor. Muafakat ini telah menyuntik semangat baru dan dinamika tenaga cergas untuk bekerja dan berkhidmat demi rakyat. Muafakat ini juga menjadi pra syarat untuk membangunkan Negeri Selangor sebagai ‘Smart State’, yang melibatkan semua rakyat, menjamin kemakmuran untuk semua, keharmonian untuk rakyat dan yang terbaik untuk anak-anak dan generasi akan datang.

Dalam tempoh yang berlalu terlalu cepat, saya telah melalui pelbagai pengalaman. Ada yang manis, ada juga yang pahit. Namun, semua pengalaman ini, mendidik saya untuk *tawadhu'*, selain mendorong saya dan pasukan negeri untuk bekerja dan terus bekerja. Persetankan suara-suara yang cemburu dan pengacau kedamaian. Yang pahit itu adalah ubat dan penawar supaya rakyat dan Negeri Selangor sihat dan bertenaga.

Tuanku Sultan Selangor tatkala bertitah di Pembukaan Persidangan Penggal Ketiga pada 30 Mac 2015 telah mengingatkan Dewan yang mulia ini untuk menggubal dasar-dasar negeri mengikut keutamaan selaras dengan tuntutan *Maqasid al-Syari'ah* yang merupakan gagasan penting dalam Islam dan senantiasa relevan dengan perubahan zaman.

Adalah menjadi tanggungjawab kerajaan menjaga harta dan hasil mahsul negeri, *Hifz Al-mal*, serta membangunkannya berpaksikan falsafah *distributive justive* seperti mana yang dituntut *Maqasid al-Syari'ah*. Saya ingin menegaskan bahawa seluruh dasar Kerajaan Negeri dan Belanjawan 2016 adalah berpaksikan prinsip Ekonomi *Maqasid*.

Ekonomi Manusiawi

Ekonomi Selangor adalah berteraskan pasaran bebas, di mana pihak swasta bekerjasama dengan Kerajaan Negeri untuk merancakkan ekonomi dan melonjakkan pertumbuhan.

Namun, Kerajaan Negeri berwaspada dengan kapitalisme berfalsafahkan “*economic might is right*” dan “*greed is good*”. Sebaliknya, kita percaya kepada konsep ekonomi manusiawi – ekonomi yang berwajah manusia yakni didasari oleh falsafah pembangunan yang holistik dipandu oleh prinsip akhlak dan kepedulian sosial – *al-'adl wal ihsan*. Ia bermaksud kita menggalakkan perniagaan yang berorientasikan keuntungan dengan menjamin prinsip keadilan sosial.

Untuk mengurus sebuah ekonomi manusiawi, tidak dapat dinafikan bahawa pengagihan peruntukan sumber yang terhad untuk pembangunan fizikal dan material amat penting. Walau bagaimanapun, pengagihan sumber untuk memenuhi pembangunan rohani dan intelektual harus mengambil keutamaan setara.

Alllah SWT melarang harta kekayaan berlegar di kalangan golongan elit sahaja seperti firmanNya di dalam Surah Al-Hasyr, Ayat 7 – “

كَلَّا يَكُونَ دُولَةً بَيْنَ الْأَغْنِيَاءِ مِنْكُمْ

“ supaya harta itu tidak hanya berlegar di antara orang-orang kaya dari kalangan kamu”.

Sayugia diingatkan, Allah SWT telah menjanjikan azab sengsara sekiranya harta kekayaan berlegar di kalangan golongan elit pemerintah; apa pula azabnya jika wang derma dimasukkan ke dalam akaun peribadi?

Tatkala pentadbiran Putrajaya sedang bergelut dengan krisis kepimpinan; kegawatan ekonomi yang memberi kesan langsung kepada rakyat dan keceluaran dasar yang menghakis keyakinan pelabur dan masyarakat perniagaan; Negeri Selangor terus maju dengan pentadbiran yang telus dan bertanggungjawab serta dasar ekonomi yang menjana pertumbuhan mampan dan keadilan pengagihan atau *distributive justice* demi menjamin kesejahteraan rakyat Selangor.

Ekonomi Malaysia terus malap dan tiada langkah tegas dan menyeluruh untuk bangkit semula dalam masa yang terdekat.

Buletin Suku Kedua Bank Negara Malaysia Tahun 2015 menunjukkan semua dua belas kategori dalam bakul Indeks Harga Pengguna (CPI) mencatatkan inflasi lebih tinggi dan ini mempunyai hubungan langsung dengan pelaksanaan GST yang menjadi punca inflasi.

Pentadbiran Putrajaya mendakwa GST berlandaskan penggunaan atau *consumption* dan akan menggalakkan penabungan. Ini adalah satu propaganda.

Rakyat dibebankan lagi dengan kenaikan kadar tol di 18 lebuh raya sementara penurunan harga petrol terlalu sedikit dan tidak cukup untuk menampung kos sara hidup yang terus meningkat. Pastinya, yang paling menderita adalah mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana, golongan pekerja dan penjaja. GST adalah penghisap darah dan senjata penindasan massa. “*GST is a blood sucker and a weapon of mass oppression*”.

Negeri Selangor mempunyai tanggungjawab yang besar terus menjadi penyumbang utama kepada KDNK negara. Selangor tidak boleh demam dan rebah. Kita mesti bersatu menjadi pemangkin ekonomi negara dan menjana pertumbuhan yang mampan; mengurangkan kesenjangan pendapatan dan menjamin kebajikan untuk rakyat yang kini dibelenggu dengan kos sara hidup yang tinggi.

Guru KAFA

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri menghargai peranan besar guru-guru Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) di KAFA Integrasi Negeri Selangor, Sekolah Rendah Agama (SRA) serta Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI) untuk mendidik akhlak, peribadi dan jati diri kepada anak-anak kita. Guru-guru KAFA mempunyai minat

yang tinggi dalam profesi perguruan dan melakukan tugas-tugas hakiki dengan cemerlang walaupun elaun yang diterima tidak setanding dengan tugas mereka.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri bercadang untuk menaikkan elaun bagi 6,900 guru-guru KAFA daripada RM1,300.00 kepada RM1,500.00 mengikut tempoh perkhidmatan dengan implikasi kewangan berjumlah RM18.71 juta setahun mulai tahun 2016. Di samping itu, 150 orang guru di KAFA Integrasi Negeri Selangor yang kini menerima elaun bulanan berjumlah RM800.00 daripada JAKIM akan turut dinaikkan elaun bulanan kepada RM1,500.00 mulai tahun 2016 yang melibatkan tambahan belanja mengurus sebanyak RM1.41 juta setahun.

Kerajaan Negeri juga bercadang untuk menaikkan elaun Ketua Guru daripada RM 100 kepada RM 150 dan memberi elaun kepada Penolong Kanan Akademik dan Penolong Kanan Hal Ehwal Murid sebanyak RM 80 mulai Januari 2016 dengan implikasi kewangan sebanyak RM 819,579.60 setahun.

Kerajaan Negeri yakin guru-guru dalam sistem pendidikan Islam di Negeri Selangor akan terus memberikan komitmen yang jitu dalam mendidik anak-anak di Negeri Selangor bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah KAFA Negeri Selangor.

Penjawat Awam

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri bersyukur dan bertuah kerana mempunyai pasukan penjawat awam yang kuat, profesional dan berintegriti. Pegawai-pegawai Daerah bekerja saban hari untuk membangunkan daerah dan memungut hasil bagi pihak Negeri.

Datuk Bandar dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah turun ke lapangan mendampingi rakyat untuk mencorakkan pembangunan yang berkualiti dan menjamin kesejahteraan rakyat. Ketua-ketua Jabatan sering merayau-rayau untuk mencari idea baru bagi menjana pertumbuhan yang lestari. Hasilnya, kini Negeri Selangor bangun dengan tenaga baru, cerdas dan menjadi *Smart State* pertama di Malaysia.

Saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada penjawat awam yang telah bertungkus-lumus meningkatkan hasil untuk membiayai pembangunan demi kemakmuran rakyat Selangor.

Di atas sumbangan mereka melaksanakan dasar-dasar Kerajaan Negeri secara efektif dan berkualiti serta mengambil kira prinsip perbelanjaan berhemah, Kerajaan Negeri bersetuju memberikan bonus satu bulan setengah gaji. Pembayaran bonus sebulan gaji telah dibuat pada bulan Mei tahun ini. Pembayaran bonus selebihnya akan dibuat pada 17 Disember 2015 untuk membantu penjawat awam membuat

persediaan untuk persekolahan anak-anak. Pembayaran bonus ini akan memberi implikasi kewangan kepada Kerajaan Negeri sebanyak RM 44.1 juta.

Skim Insurans Perlindungan Kesihatan Ahli Dewan Negeri

Tuan Speaker, Rakyat menuntut wakil rakyat bekerja. Untuk bekerja, Ahli-Ahli Yang Berhormat perlu sihat dan cerdas. Saya telah meneliti permohonan daripada Kelab Penyokong-penyokong Kerajaan Negeri (BBC) dan bersedia untuk menimbangkan permohonan yang *people-centric*. Namun, saya juga amat memahami keperluan Ahli-Ahli Dewan Negeri mendapat perlindungan kesihatan dan keselamatan. Maka, mulai tahun 2016, kesemua Ahli Dewan Negeri tanpa kecuali akan diberikan Skim Insurans Perlindungan dengan had perlindungan sebanyak RM 40,000 seorang setahun.

Satu perkara yang membahagiakan saya ialah apabila dapat menyelesaikan masalah rakyat, dapat menatap wajah mereka apabila tiap-tiap satu masalah itu selesai. Saya berasa amat gembira apabila bersalaman dengan Wak Suparman Sadikin di Kampung Rhu, Sabak Bernam dan beliau terharu dengan program kerajaan yang membandarkan masyarakat desa melalui kemudahan *WiFi Smart Selangor*. Saya juga tersentuh apabila bertemu Puan Ponamah A/P Subaramaniam yang tinggal di Ladang Coalfield, Kuala Selangor dan beliau menangis kegembiraan apabila Kerajaan Negeri akan membangunkan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil Ladang Desa Coalfield, Kuala Selangor termasuk pembangunan asrama untuk anak-anak pekerja ladang. Saya disambut dengan suasana yang mahabbah oleh Encik Boon Heng dari Petaling Jaya yang gembira kerana sijil UEC anaknya diiktiraf oleh Kerajaan Negeri. Pelajar dan pekerja kilang berasa gembira mendapat perkhidmatan *Bas Smart Selangor* secara percuma.

Program turun ke daerah bersalaman dengan rakyat, menatap wajah mereka memberikan kesan kepada saya untuk mengangkat harapan orang kampung, nelayan, petani, penghuni rumah pangsa, penjaja untuk mendapat pembelaan yang adil bagi masa depan yang lebih makmur dan sejahtera.

Inilah realiti Selangor, Rencam dan penuh harapan. Usah bimbang dan gundah gulana. Ekonomi kuat, rakyat selamat, negeri berkat. Rakyat telah memberikan mandat berdasarkan muafakat yang berpegang kepada prinsip keadilan dan kemakmuran untuk semua. Jangan khianati amanah ini. Saya, mempunyai tanggungjawab moral untuk mempertahankan muafakat ini. Insafilah, masih ramai rakyat di luar sana yang memerlukan perhatian dan pembelaan. Marilah kita bulatkan muafakat, laksana bulatnya air dalam pembetung. Saya menyeru kepada perpaduan. Demi rakyat, ayuh kita bekerja sebagai satu pasukan. Dengan perpaduan, kita akan beroleh kekuatan. Dengan kekuatan, kita gunakan untuk mentadbir negeri dan menambah khidmat kepada rakyat.

Kain songket tenunnya halus,
Sesuai dipakai segak terikat;
Pemimpin adil mentadbir telus,
Dihargai rakyat sepanjang hayat.

Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian cadangan ini telah pun disokong bersesuaian dengan Peraturan Tetap 66(2) sesudah dibacakan Rang Undang-Undang Perbekalan Kali Yang Kedua Perbahasan hendaklah ditangguhkan tidak kurang daripada satu jam. Oleh itu, perbahasan ini ditangguhkan dan dewan akan disambung semula pada 2 hari bulan November 2015 (Isnin) nanti jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 5.15 petang)